KEMENTERIAN KEWANGAN

LAPORAN PASARAN HARTA SEPARUH PERTAMA

Property Market Report First Half



JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
KEMENTERIAN KEWANGAN
MINISTRY OF FINANCE

LAPORAN PASARAN HARTA

Separuh Pertama 2026

PROPERTY MARKET REPORT

First Half 2026

JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN

VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT
MINISTRY OF FINANCE

Diterbitkan oleh

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan
Aras7, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA

Published by

National Property Information Centre (NAPIC)
Valuation and Property Services Department
Ministry Of Finance
Level 7, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana
Precinct 2
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03 - 8886 9000
Fax : 03 - 8886 9007

Hak Cipta Terpelihara 2026
Copyright Reserved 2026

Boleh dimuat turun daripada https://napic.jpph.gov.my
Downloadable from https://napic.jpph.gov.my

Disclaimer: The information in this report is true and correct at the time of publishing.

KANDUNGAN
CONTENTS

GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA DI MALAYSIA BAGI SEPARUH PERTAMA 2026 ..... *overview 1*
AN OVERVIEW OF THE MALAYSIAN PROPERTY MARKET IN FIRST HALF 2026

Jadual I Bilangan Transaksi Harta Tanah Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga ..... *overview 44*
Table *Number of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range*

II Nilai Transaksi Harta Tanah Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga (RM Juta) ..... *overview 44*
Value of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range (RM Million)

III Bilangan Transaksi Harta Tanah Mengikut Negeri dan Tempoh Masa ..... *overview 48*
Number of Property Transactions by State and Time Period

IV Nilai Transaksi Harta Tanah Mengikut Negeri dan Tempoh Masa (RM Juta) ..... *overview 51*
Value of Property Transactions by State and Time Period (RM Million)

V Bilangan Transaksi Harta Tanah Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik ..... *overview 54*
Number of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee

VI Nilai Transaksi Harta Tanah Mengikut Kategori Pemberi Pindah Milik dan Penerima Pindah Milik (RM Juta) ..... *overview 56*
Value of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee (RM Million)

VII Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Kediaman mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, H1 2026 ..... *overview 58*
Transaction and Value of Residential Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, H1 2026

VIII Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Komersial mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, H1 2026 ..... *overview 59*
Transaction and Value of Commercial Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, H1 2026

IX Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Industri mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, H1 2026 ..... *overview 60*
Transaction and Value of Industrial Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, H1 2026

X Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Pertanian mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, H1 2026 ..... *overview 61*
Transaction and Value of Agriculture Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, H1 2026

XI Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Pembangunan dan Lain-Lain mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, H1 2026 *overview 62*
Transaction and Value of Development and Others Property Transaction by State and Ethnic Group, Malaysia, H1 2026

XII Penawaran Unit Kediaman di Malaysia ..... *overview 63*
Supply of Residential Units in Malaysia

XIII Penawaran Unit Kedai di Malaysia ..... *overview 64*
Supply of Shop Units in Malaysia

XIV Penawaran dan Penghunian Kompleks Perniagaan di Malaysia ..... *overview 65*
Supply and Occupancy of Shopping Complex in Malaysia

XV Penawaran dan Penghunian Pejabat Binaan Khas di Malaysia ..... *overview 66*
Supply and Occupancy of Purpose-Built Office in Malaysia

XVI Penawaran Unit SOHO di Malaysia ..... *overview 67*
Supply of SOHO units in Malaysia

XVII Penawaran Unit Pangsapuri Khidmat di Malaysia ..... *overview 68*
Supply of Serviced Apartment Units in Malaysia

XVIII Penawaran Unit Industri di Malaysia ..... *overview 69*
Supply of Industrial Units in Malaysia

XIX *Bilangan Bilik Hotel* ..... *overview 70*
Number of Hotel Rooms

XX Bilangan & Prestasi Jualan Pelancaran Baru dan Bilangan & Nilai Unit Kediaman Yang Belum Terjual di Malaysia ..... *overview 71*
Number and Sales Performance of New Launches and Number and Value of Unsold Residential Units in Malaysia

XXI *Bilangan Unit Kedai* Yang Belum *Terjual di Malaysia* ..... *overview 72*
Number of Unsold Shop Units in Malaysia

XXII *Bilangan Unit SOHO* Yang Belum *Terjual di Malaysia* ..... *overview 73*
Number of Unsold SOHO Units in Malaysia

XXIII *Bilangan Pangsapuri Khidmat* Yang Belum *Terjual di Malaysia* ..... *overview 74*
Number of Serviced Apartment Units in Malaysia

XXIV *Bilangan Unit Industri* Yang Belum *Terjual di Malaysia* ..... *overview 75*
Number of Unsold Industrial Units in Malaysia

Catatan Teknikal
Technical Note

TEKS WILAYAH
REGION TEXT

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH TENGAH
Central Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH SELATAN
Southern Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH UTARA
Northern Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH PANTAI TIMUR
East Coast Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

LAPORAN PASARAN HARTA WILAYAH MALAYSIA TIMUR
East Malaysia Region Property Market Report

Untuk Jadual Lanjut: Sila Rujuk Kad USB
For Further Tables: Please Refer to USB Card

GLOSARI
GLOSSARY

% Pecahan	:	*% Breakdown*
% Perubahan	:	*% Change*
"Purata" Semua Rumah	:	*"Average" All Houses*
Ambilan Ruang	:	*Take-up Space*
Bandar	:	*Town*
Berkembar	:	*Semi-Detached*
Bilangan	:	*Number*
Bilangan Transaksi	:	*Number Of Transactions*
Bilangan Unit	:	*Number Of Units*
Blok Pejabat/ Lot Pejabat	:	*Office Block/ Office Lot*
Durian	:	*Durian*
Dusun	:	*Orchard*
Fasa	:	*Phase*
Getah	:	*Rubber*
Harga Purata	:	*Average Price*
Hektar	:	*Hectare*
Indeks Harga Semua Rumah	:	*All House Price Index*
Indeks Keyakinan Perniagaan	:	*Business Condition Index*
Industri	:	*Industrial*
Jenis	:	*Type*
Juta	:	*Million*
Kadar Ambilan	:	*Take-Up Rate*
Kadar Asas Pinjaman (BLR)	:	*Base Lending Rate (BLR)*
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	:	*Overnight Policy Rate (OPR)*
Kadar Penghunian Purata (pejabat/ kompleks perniagaan)	:	*Average Occupancy Rate (office/ shopping complex)*
Kadar Penginapan Purata (hotel)	:	*Average Occupancy Rate (hotel)*
Kadar Pinjaman Purata (ALR)	:	*Average Lending Rate (ALR)*
Kadar Pulangan Kasar Purata	:	*Average Gross Yield*
Kadar Serapan	:	*Absorption Rate*
Kawasan Sekunder Pusat Bandar	:	*Central Town Secondary Area*
Kawasan Sekunder Pinggir Bandar	:	*Suburban Secondary Area*
Kawasan Utama Pusat Bandar	:	*Central Town Prime Area*
Kawasan Utama Pinggir Bandar	:	*Suburban Prime Area*
Kedai	:	*Shop*
Kedai Industri	:	*Industrial Shop*
Kedai Sebelum Perang	:	*Pre-war Shop*
Kedai Tanpa Inap	:	*Lock-up Shop*
Kediaman	:	*Residential*
Kedudukan/lokasi	:	*Location*
Kelapa	:	*Coconut*
Kelapa Sawit	:	*Oil Palm*
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	:	*Gross Domestic Product (GDP)*
Kilang Berkembar/ Gudang	:	*Semi-Detached Factory/ Warehouse*

GLOSARI
GLOSSARY

Kilang Sesebuah/Gudang	:	*Detached Factory/Warehouse*
Kilang Teres/Gudang	:	*Terraced Factory/Warehouse*
Koko	:	*Cocoa*
Kompleks	:	*Complex*
Kompleks Industri/Unit	:	*Industrial Complex/Unit*
Kompleks Perniagaan	:	*Shopping Complex*
Kondominium	:	*Condominium*
Kopi	:	*Coffee*
Ladang	:	*Estate*
Lingkungan Harga	:	*Price Range*
Lingkungan Sewa Sebulan	:	*Rental Range Per Month*
Lot Niaga Di Dalam Kompleks Perniagaan	:	*Retail Lot In Shopping Complex*
Luas Lantai Purata	:	*Average Floor Area*
Luas Tanah Purata	:	*Average Land Area*
m.p. (Meter Persegi)	:	*s.m. (Square Meter)*
Nilai	:	*Value*
Nilai Pindah Milik	:	*Value of Transactions*
Padi	:	*Paddy*
Padi Dua Kali Setahun	:	*Double Cropping Paddy*
Padi Sekali Setahun	:	*Single Cropping Paddy*
Pajakan	:	*Lease*
Pangsapuri	:	*Apartment*
Paras Ambang	:	*Threshold Level*
Pasaran Sewa	:	*Rental Market*
Pecahan Lot	:	*Subdivision of Lot*
Pedalaman	:	*Interior*
Penawaran Akan Datang	:	*Incoming Supply*
Penawaran Baru Dirancang	:	*New Planned Supply*
Penawaran Dalam Perancangan	:	*Planned Supply*
Penghunian (pejabat/kompleks perniagaan)	:	*Occupancy (office/shopping complex)*
Penginapan (hotel)	:	*Occupancy (hotel)*
Perniagaan/Perdagangan/Komersial	:	*Commercial*
Pertanian	:	*Agricultural*
Perubahan % Dari Tahun Ke Tahun	:	*Year on Year % Change*
Perubahan Harga Purata	:	*Average Price Change*
Perubahan Sewaan Purata	:	*Average Rental Change*
Plot Kosong	:	*Vacant Plot*
Plot Perniagaan	:	*Commercial Plot*
Prestasi Jualan	:	*Sales Performance*
Rumah Bandar	:	*Townhouse*
Rumah Berkelompok/Kluster	:	*Cluster House*
Rumah Kos Rendah	:	*Low-Cost House*
Rumah Pangsa	:	*Flat*
Rumah Pangsa Kos Rendah	:	*Low-Cost Flat*

GLOSARI
GLOSSARY

Saiz Sampel	:	*Sample Size*
Sayur-sayuran	:	*Vegetable*
Sesebuah	:	*Detached*
Sewa	:	*Rent*
Sewaan	:	*Rental*
Sewaan Tingkat Bawah Kedai	:	*Rentals of Ground Floor Shop*
Skim Perumahan Bertingkat Tinggi	:	*High-Rise Residential Schemes*
Skim Perumahan Konvensional	:	*Conventional Housing Schemes*
Stabil	:	*Stable*
Stok Sedia Ada	:	*Existing Stock*
Tahun Siap (dibina)	:	*Year of Completion*
Taman Perindustrian Ringan	:	*Light Industrial Park*
Tanah Adat Melayu	:	*Malay Customary Land*
Tanah Kampung	:	*Kampung Land*
Tanah Kosong	:	*Vacant Land*
Tanah Pembangunan	:	*Development Land*
Tanah Rezab Melayu	:	*Malay Reservation Land*
Tarif	:	*Tariff*
Tembakau	:	*Tobacco*
Tempoh Kajian	:	*Review Period*
Tempoh Sebelumnya/Sebelum ini	:	*Preceeding Period*
Tempoh Yang Sama Tahun Lalu	:	*Corresponding Period*
Teres	:	*Terraced*
Berkelompok/Kluster	:	*Cluster*
Tidak Didefinasikan (ND)	:	*Not Definable (ND)*
Tidak Boleh Dipindah Milik	:	*Not Transferable*
Tidak Diperolehi (NA)	:	*NA (Not Available)*
Tingkat Bawah	:	*Ground Floor*
Tingkat Bawah Tanah	:	*Lower Ground Floor*
Trend / Aliran	:	*Trend*
Trend / Aliran Menaik	:	*Upward Trend*
Trend / Aliran Menurun	:	*Downward Trend*
Belum Dibina Belum Terjual	:	*Unsold Not Constructed*
Dalam Pembinaan Belum Terjual	:	*Unsold Under Construction*
Mula Dibina	:	*Starts*
Siap Dibina	:	*Completion*
Siap Dibina Belum Terjual	:	*Unsold Completed*
k.p. (Kaki Persegi)	:	*s.f. (Square Foot)*
s.m.p. (Se Meter Persegi)	:	*p.s.m. (Per Square Meter)*
s.k.p. (Se Kaki Persegi)	:	*p.s.f. (Per Square Foot)*

GAMBARAN KESELURUHAN
OVERVIEW

1.0 GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA TANAH

Pertumbuhan ekonomi Malaysia mengukuh pada suku kedua tahun 2026. Laporan ekonomi mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) S2 2026 pada 6.0% (S1 2026: 5.4%), didorong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan serta eksport yang kukuh. Menurut Bank Negara Malaysia, pertumbuhan sektor perkhidmatan lebih tinggi didorong oleh subsektor berkaitan perniagaan, terutamanya subsektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) berikutan peningkatan pengoperasian pusat data. Pertumbuhan sektor perkilangan yang kukuh pula dipacu oleh kelompok industri berorientasikan eksport, khususnya segmen elektrik dan elektronik (E&E) susulan permintaan yang tinggi terhadap produk berkaitan kecerdasan buatan (AI).

Pasaran harta tanah pada separuh pertama tahun 2026 (H1 2026) kekal berdaya tahan mencatatkan 187,320 transaksi bernilai RM105.12 bilion. Prestasi ini mencerminkan pergerakan marginal dalam bilangan dan nilai transaksi berbanding H1 2025 (196,232 transaksi bernilai RM107.68 bilion), disokong oleh aktiviti transaksi harta tanah yang berterusan, pergerakan harga yang stabil dan aktiviti pembinaan yang aktif.

Subsektor kediaman terus menjadi pendorong utama aktiviti pasaran, menguasai 59.3% daripada jumlah transaksi. Momentum ini disokong kukuh oleh prestasi KDNK Malaysia yang berkembang sebanyak 6.0% pada S2 2026 dan perbelanjaan isi rumah yang terus mampan, secara langsung menyokong permintaan kediaman, terutamanya bagi kediaman mampu milik berharga RM300,000 ke bawah yang terus mendominasi 51.6% daripada bahagian pasaran. Sementara itu, segmen komersial mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.9% dengan 21,454 transaksi, manakala subsektor industri mencatat pertumbuhan nilai transaksi sebanyak 3.8%.

1.0 OVERVIEW OF THE PROPERTY MARKET

Malaysian economy growth strengthened in the second quarter of 2026. The economic report recorded Gross Domestic Product (GDP) growth of 6.0% in Q2 2026 (Q1 2026: 5.4%), driven by continued domestic demand and robust exports. According to Bank Negara Malaysia, the higher growth in the services sector was supported by business-related subsectors, especially the information and communication technology (ICT) subsector from the expanding operationalisation of data centres. The robust growth in the manufacturing sector was driven by export-oriented clusters, particularly in electric and electronics (E&E) following strong artificial intelligence (AI)-related demand.

The property market in the first half of 2026 (H1 2026) remained resilient, recording 187,320 transactions valued at RM105.12 billion. This performance reflects a marginal adjustment in both transaction volume and value compared to H1 2025 (196,232 transactions valued at RM107.68 billion), underpinned by sustained transaction activity, stable price movements and active construction.

The residential subsector remained the primary driver of market activity, comprising 59.3% of the total transaction volume. This momentum was strongly supported by Malaysia's GDP growth of 6.0% in Q2 2026 and sustained household spending, which directly bolstered residential demand, particularly for affordable homes priced at RM300,000 and below, which continues to command a dominant 51.6% share of the market. Meanwhile, the commercial segment registered marginal growth of 0.9% with 21,454 transactions, while the industrial subsector recorded a 3.8% expansion in transaction value.

Chart 1

Overall Volume of Transactions H1 2022 – H1 2026





Chart 2

Overall Value of Transactions H1 2022 – H1 2026



Pasaran harta tanah turut disokong oleh pelbagai inisiatif yang digariskan di bawah Belanjawan 2026, termasuk:

i. Pengecualian duti setem penuh ke atas instrumen pindah milik dan perjanjian pinjaman untuk pembeli rumah pertama berharga sehingga RM500,000 oleh warganegara Malaysia telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027.

ii. Meningkatkan Jaminan Kerajaan sehingga RM20 bilion di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) ke atas pembiayaan perumahan untuk manfaat 80,000 pembeli rumah.

iii. Peruntukan RM672 juta untuk pembinaan Kediaman Rakyat, antaranya:
   - 49 Program Residensi Rakyat (PRR), dengan 6 projek PRR dijangka siap penghujung 2026 melibatkan 1,755 unit.
   - 6,545 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) dijangka siap penghujung 2026 bagi memanfaatkan lebih 26,000 penghuni baharu.
   - 4,030 unit Residensi MADANI dijangka siap hujung 2026.
   - 5,981 unit baharu Residensi MADANI dijangka dilaksanakan 2026.
   - 3,000 unit perumahan PR1MA dijangka siap pada 2026.

The property market was also supported by various initiatives outlined by the government under Budget 2026, which include:

i. The full stamp duty exemption on the instrument of transfer and loan agreement for first-time homebuyers of the priced up to RM500,000 by Malaysian citizens has been extended until December 31, 2027.

ii. Increase Government Guarantees of up to RM20 billion under Housing Credit Guarantee Scheme (SJKP) on housing financing for the benefit of 80,000 home buyers.

iii. Allocation of RM672 million for construction of Rakyat Housing, including:
   - *49 Program Residensi Rakyat (PRR) projects, with six expected to be completed by end 2026, involving 1,755 units.*
   - *6,545 Rumah Mesra Rakyat (RMR) units are expected to be completed by end 2026, benefiting more than 26,000 new residents.*
   - *4,030 Residensi MADANI units are expected to be completed by end 2026.*
   - *5,981 new Residensi MADANI units targeted for implementation in 2026.*
   - *3,000 PR1MA housing units expected to be completed in 2026.*

iv. Peruntukan RM100 juta untuk pembinaan Program Residensi MADANI akan dibina di beberapa lokasi iaitu Jalan Selimang/ Siakap, Bandar Tun Razak Bandar Baru Sentul, Taman Desa (1) Lot 52958, Bandar Sri Permaisuri dan Sungai Besi (Wayfield).

Dari aspek pembangunan infrastruktur, kerajaan telah memperuntukkan dana bagi pelbagai projek infrastruktur baharu dan yang sedang berjalan di bawah Belanjawan 2026 yang dirangka untuk merangsang aktiviti ekonomi domestik dan secara tidak langsung memberi kesan kepada pasaran harta tanah termasuk berikut:

i. Naik taraf Lebuhraya Senai - Desaru Fasa 2A: Cahaya Baru ke Sungai Johor untuk JS-SEZ.

ii. Pembinaan jalan baharu dari Jalan Masjid Tanah Kuala Linggi ke Telok Gong, Alor Gajah.

iii. Pembinaan persimpangan bertingkat PLUS di Negeri Sembilan untuk menyokong pembangunan Malaysia Vision Valley.

iv. Naik taraf Lebuhraya Kuantan – Segamat di Rompin, Pahang.

v. Pembinaan jalan baharu dari Kuala Terengganu Bypass di Kampung Bukit Bayas ke jalan di Persimpangan Kampung Kubang Tangga, Kuala Terengganu.

vi. Naik taraf Jalan Persekutuan dari Persimpangan Batu 9 ke persimpangan Jalan Dato Alias termasuk pembinaan jejambat merentasi persimpangan Batu 9, Cheras, Daerah Hulu Langat.

iv. Allocation of RM100 million for construction of Program Residensi MADANI at several locations; Jalan Selimang/ Siakap, Bandar Tun Razak, Bandar Baru Sentul, Taman Desa (1) Lot 52958, Bandar Sri Permaisuri and Sungai Besi (Wayfield).

On the infrastructure development front, the government has proposed allocations on several ongoing and new projects under the Budget 2026 which are expected to spur the economic activities and indirectly boost the property market among others:

i. Upgrade of Senai - Desaru Expressway Phase 2A: Cahaya Baru to Sungai Johor for JS-SEZ.

ii. New road from Jalan Masjid Tanah Kuala Linggi to Telok Gong, Alor Gajah.

iii. Construction of a PLUS interchange in Negeri Sembilan to support the development of Malaysia Vision Valley.

iv. Upgrade of the Kuantan - Segamat Highway, Rompin, Pahang.

v. Construction of a new road from the Kuala Terengganu Bypass at Kampung Bukit Bayas to the junction road at Kampung Kubang Tangga, Kuala Terengganu.

vi. Upgrade of the Federal Road from the Batu 9 junction to the Jalan Dato Alias junction, including the construction of a flyover at the Batu 9 Intersection, Cheras, Hulu Langat.

2.0 AKTIVITI PASARAN HARTA TANAH

Prestasi pasaran harta tanah kekal berdaya tahan pada H1 2026, mencatatkan 187,320 transaksi bernilai RM105.12 bilion. Prestasi ini menunjukkan pergerakan sederhana dalam bilangan dan nilai transaksi berbanding H1 2025, yang merekodkan 196,232 transaksi bernilai RM107.68 bilion. Daripada jumlah bilangan transaksi, sebanyak 63.8% (119,421 transaksi), merupakan transaksi dalam tempoh semasa, 33.0% (61,803 transaksi) adalah daripada tahun 2025 dan baki selebihnya terdiri daripada pindah milik berdaftar daripada tahun 2024 (6,096 transaksi). Dari segi segmentasi pasaran, transaksi pasaran primer (pembelian terus daripada pemaju) merangkumi 13.3% daripada jumlah keseluruhan, manakala pasaran sekunder mendominasi sebanyak 86.7% bahagian. Mengikut negeri, WP Kuala Lumpur, Terengganu, Pahang, Kelantan, Sabah, Sarawak dan WP Labuan menunjukkan trend peningkatan dalam bilangan transaksi.

Aktiviti pasaran mengikut sub-sektor menunjukkan trend yang berbeza sepanjang tempoh kajian. Segmen komersial dan tanah pembangunan yang sejajar dengan trend pasaran, mencatatkan pertumbuhan marginal. Subsektor komersial mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.9% dengan 21,454 transaksi, disokong oleh perkembangan sektor perkhidmatan di peringkat makroekonomi yang berkembang sebanyak 5.9% pada S2 2026.

Dari perspektif nilai, subsektor industri menunjukkan momentum pertumbuhan nilai transaksi sebanyak 3.8% kepada RM14.78 bilion. Prestasi ini bertepatan dengan lonjakan sektor perkilangan dan pembuatan negara yang berkembang sebanyak 7.3% pada S2 2026. Dari sudut makro, pertumbuhan kukuh sektor elektrik dan elektronik (E&E) susulan permintaan global yang tinggi terhadap produk berkaitan kecerdasan buatan (AI) serta pengembangan pusat data telah mencetuskan permintaan langsung ke atas kilang teres, gudang, dan plot tanah industri di lokasi strategik seperti Selangor dan Johor.

2.0 PROPERTY MARKET ACTIVITY

Property market performance remained resilient in H1 2026, registering a total of 187,320 transactions valued at RM105.12 billion. This represents a moderate adjustment in transaction volume and value compared with H1 2025, which recorded 196,232 transactions worth RM107.68 billion. Of the total transaction volume, 63.8% (119,421 transfers) were current-period transactions, 33.0% (61,803 transactions) were from 2025, with the remainder comprising registered transfers from 2024 (6,096 transactions). In terms of market segmentation, primary market transactions (purchases directly from developers) constituted 13.3% of the total, while the secondary market dominated with 86.7% share. By state, WP Kuala Lumpur, Terengganu, Pahang, Kelantan, Sabah, Sarawak and WP Labuan demonstrated upward trends in transaction volumes.

Sectoral market activity exhibited divergent trends during the review period. The commercial and development land segments aligned with the trend by registering marginal growth. The commercial subsector recorded marginal growth of 0.9%, with 21,454 transactions, supported by the advancement of the services sector at the macroeconomic level, which expanded by 5.9% in Q2 2026.

From a value perspective, the industrial subsector demonstrated growth momentum, with transaction value rising by 3.8% to RM14.78 billion. This performance coincides with the surge in the nation's manufacturing sector, which expanded by 7.3% in Q2 2026. From a macro perspective, robust growth in the electrical and electronics (E&E) sector, driven by high global demand for artificial intelligence (AI) related products, and data centre expansion have triggered direct demand for terraced factories, warehouses, and industrial land plots in strategic locations such as Selangor and Johor.

Chart 3

Contribution to Transaction Volume by Sub-sector H1 2026





Chart 4

Contribution to Transaction Value by Sub-sector H1 2026




Taburan transaksi harta tanah menunjukkan prestasi yang pelbagai merentasi segmen pasaran yang berbeza. Dari segi bilangan transaksi, subsektor kediaman kekal mendominasi dengan menyumbang syer terbesar sebanyak 59.3%. Ini diikuti oleh subsektor pertanian (19.8%), komersial (11.4%), tanah pembangunan dan lain-lain (7.4%), serta industri (2.1%). Corak yang sama turut diperhatikan dari segi nilai transaksi, dengan segmen kediaman mendahului dengan syer sebanyak 44.8%, diikuti oleh komersial (23.0%), industri (14.1%), tanah pembangunan dan lain-lain (10.7%), serta pertanian (7.4%).

The distribution of property transactions showed varied performance across different market segments. In terms of transaction volume, the residential sub-sector maintained its dominance, accounting for the majority share of 59.3%. This was followed by agriculture (19.8%), commercial (11.4%), development land and others (7.4%), and industrial (2.1%). A similar pattern emerged in transaction value, with the residential segment leading at a 44.8% share, followed by commercial (23.0%), industrial (14.1%), development land and others (10.7%), and agriculture (7.4%).

Chart 5

Transactions Volume by Price Range H1 2022 – H1 2026



	Below RM300K	RM300K-RM500K	RM500K-RM1 Million	Above RM1 Million
H1 2022	114,902	35,250	25,823	12,027
H1 2023	107,727	36,035	27,745	12,633
H1 2024	113,487	38,453	31,855	15,111
H1 2025	111,742	37,757	30,403	16,330
H1 2026	105,512	37,151	27,969	16,688

Chart 6

Transaction Volume by Sub-sector H1 2025 vs H1 2026




Chart 7

Transaction Value by Sub-sector H1 2025 vs H1 2026




Chart 8

Transactions Volume by State H1 2025 – H1 2026




Table 1

Summary of Top Prominent Sales H1 2026

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1.	Johor	Vacant Commercial Plot	Jalan Tun Abdul Razak, Johor Bahru	2026	180,000,000
2.	Johor	Development Land	Jalan Kulai – Sedenak, Kulai	2025	625,247,933
3.	Johor	Commercial Development Plot	Laman Setia Utama, Pulai	2025	384,991,263
4.	Selangor	Vacant Industrial Plot	Jalan Bunga Azalea, Bukit Sentosa	2025	364,616,802
5.	WP Kuala Lumpur	Menara PJD	Jalan Tun Razak	2025	280,000,000
6.	Selangor	Vacant Commercial Plot	Persiaran Cyberpoint Selatan	2025	259,283,059
7.	Johor	Vacant Commercial Plot	Off Jalan Persiaran Southey 2	2025	214,974,128
8.	Selangor	Estate Land	Jalan Persiaran Puteri, Ijok	2024	230,536,390
9.	Johor	Vacant Industrial Plot	Nusajaya Tech Park, Pulai	2024	300,564,000
10.	Selangor	Commercial Development Land	Taman Lestari Puchong	2024	170,000,000

2.1 HARTA TANAH KEDIAMAN

Transaksi

Subsektor kediaman kekal berdaya tahan dalam tempoh kajian, dengan hanya mengalami pergerakan kecil dalam bilangan dan nilai transaksi. Pasaran kediaman mencatatkan sebanyak 110,998 transaksi bernilai RM47.11 bilion, berdiri teguh berbanding paras asas yang tinggi pada H1 2025 (120,307 transaksi bernilai RM49.37 bilion). Prestasi negeri menunjukkan trend bercampur, bagaimanapun beberapa kawasan pertumbuhan utama muncul, iaitu Pahang, WP Kuala Lumpur, Terengganu, Sarawak, dan WP Labuan menunjukkan trend bertentangan dengan mencatatkan momentum peningkatan. Prestasi yang stabil ini turut disokong oleh empat negeri utama iaitu Johor, Selangor, WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang terus memacu permintaan nasional, yang secara kolektif menguasai kira-kira 50% daripada jumlah keseluruhan bilangan transaksi.

2.1 RESIDENTIAL PROPERTY

Transaction

The residential sub-sector remained resilient during the review period, experiencing a minor adjustment in transaction volume and value. The residential market registered 110,998 transactions valued at RM47.11 billion, standing firm against the high baseline of H1 2025 (120,307 transactions worth RM49.37 billion). State performances were mixed, however key growth pockets emerged, with Pahang, WP Kuala Lumpur, Terengganu, Sarawak, and WP Labuan bucking the trend to register upward momentum. Anchoring this stable performance, the four major states of Johor, Selangor, WP Kuala Lumpur and Pulau Pinang continued to drive national demand, collectively commanding approximately 50% of the total transaction volume.

Chart 9

Residential Transaction Volume Trend H1 2022 - H1 2026





Chart 10

Residential Transaction Value Trend H1 2022 – H1 2026




Aktiviti pasaran kediaman kekal tertumpu kepada rumah teres, menyumbang sebanyak 40.9% daripada jumlah transaksi kediaman. Unit kediaman bertingkat tinggi menunjukkan penyumbang kedua terbesar sebanyak 19.1%, diikuti oleh tanah kosong (16.9%). Rumah berkembar, rumah kos rendah, dan rumah sesebuah masing-masing menyumbang sebanyak 7.7%, 6.6% dan 6.4% daripada jumlah transaksi kediaman, manakala baki selebihnya (2.4%) terdiri daripada jenis harta tanah lain.

Residential market activity remained concentrated in terraced houses, which accounted for 40.9% of total residential transactions. High-rise residential units represented the second-largest share at 19.1%, followed by vacant plots (16.9%). Semi-detached, low-cost, and detached houses contributed 7.7%, 6.6%, and 6.4% of transactions, respectively, while the remainder (2.4%) was attributed to other property types.

Chart 11

Residential Transactions Volume by Price Range



	Below RM300K	RM300K-RM500K	RM500K-RM1 Million	Above RM1 Million
H1 2022	65,250	27,480	17,741	5,707
H1 2023	62,059	28,563	18,740	5,611
H1 2024	64,807	29,677	21,066	6,414
H1 2025	63,847	29,269	20,254	6,937
H1 2026	57,323	28,839	18,357	6,479

Chart 12

Residential Transactions Volume by Type





Chart 13

Residential Transactions Volume by State and Price Range H1 2026



	Selangor	Johor	Perak	Pulau Pinang	Terengganu	Kedah	Negeri Sembilan	Kelantan	WP Kuala Lumpur	Melaka	Sarawak	Pahang	Sabah	Perlis	WP Putrajaya	WP Labuan
Above RM1 Million	2,491	1,300	85	505	8	34	114	11	1,555	59	107	44	133	2	25	6
RM500k - RM1 Million	5,571	5,026	725	1,250	123	500	1,122	210	1,574	662	736	300	473	14	41	30
RM300k - RM500k	6,971	4,731	2,588	2,035	1,002	1,847	1,598	879	1,543	1,717	1,643	1,194	892	120	25	54
Below RM300k	7,356	6,814	8,206	3,189	6,278	4,061	3,069	5,335	1,946	3,041	2,623	3,880	1,233	197	28	67

Pelancaran Baharu

Pasaran primer kediaman merekodkan prestasi sederhana, mencerminkan sentimen berhati-hati dalam kalangan pemaju harta tanah. Sebanyak 27,832 unit kediaman telah dilancarkan pada H1 2026, berbanding 37,250 unit (angka yang disemak semula) pada H1 2025. Pasaran merekodkan prestasi jualan sebanyak 16.6%, menunjukkan momentum yang sederhana berbanding paras asas yang lebih tinggi pada tempoh yang sama tahun lepas. Prestasi jualan keseluruhan kekal sederhana, mencerminkan keadaan pasaran yang kekal berhati-hati.

Selangor mendahului pelancaran baharu kediaman, menyumbang 30% daripada jumlah keseluruhan nasional dengan 8,354 unit dan merekodkan prestasi jualan sebanyak 6.8%. Johor berada di kedudukan kedua dengan 6,697 unit, merekodkan prestasi jualan yang sangat menggalakkan sebanyak 36.5%, diikuti oleh Pulau Pinang dengan 2,878 unit dan prestasi jualan sebanyak 9.8%. Aktiviti pelancaran kediaman yang kukuh di Selangor dan kadar penyerapan jualan yang tinggi di Johor mencerminkan keyakinan pemaju masih kukuh dan koridor permintaan yang sangat dinamik.

New Launches

The primary residential market recorded a moderate performance, reflecting cautious sentiment among property developers. A total of 27,832 residential units were launched in H1 2026, compared with the revised 37,250 units recorded in H1 2025. The market recorded a sales performance of 16.6%, sustaining moderate momentum amid the exceptionally high base recorded in the corresponding period last year. Overall sales performance remained subdued, reflecting persistent caution in the market situation.


Selangor led in terms of new residential launches, accounting for 30% of the national total with 8,354 units, registering a sales performance of 6.8%. Johor ranked second, with 6,697 units, recording a highly encouraging sales performance of 36.5%, followed closely by Pulau Pinang with 2,878 units and a sales performance of 9.8%. Selangor's robust residential launch activity and Johor's superior sales take-up rate reflect strong developer confidence and a highly active dynamic demand corridor.

Rumah teres terus menerajui aktiviti pelancaran baharu, menguasai sebanyak 46.8% (13,028 unit) daripada jumlah keseluruhan pasaran. Di bawah kategori rumah teres ini, sebanyak 4,218 unit merupakan kediaman satu tingkat manakala 8,810 unit lagi merupakan unit teres dua hingga tiga tingkat, dengan sebahagian besar aktiviti tertumpu di Johor dan Selangor. Pembangunan bertingkat tinggi (kondominium dan pangsapuri) mewakili segmen kedua paling aktif dengan menyumbang sebanyak 41.4% (11,535 unit) daripada keseluruhan pelancaran baharu, dengan tumpuan utama di Selangor dan Pulau Pinang.

Terraced houses continued to anchor new launch activity, capturing a 46.8% share (13,028 units) of the market total. Within this category, 4,218 units were single storey houses, and another 8,810 units were two to three storey terraces, driving development primarily in Johor and Selangor. High-rise developments (condominiums and apartments) represented the second most active segment, accounting for 41.4% (11,535 units) of all new launches, with concentrations heavily focused in Selangor and Pulau Pinang.

Chart 14

New Launches and Sales Performance H1 2024 – H1 2026



	H1 2024	H2 2024	H1 2025	H2 2025	H1 2026
Unit Launched	43,246	32,538	37,250	27,237	27,832
Unit Sold	10,210	8,177	8,233	6,935	4,618
Sales Performance (%)	23.6%	25.1%	22.1%	25.5%	16.6%

Status Pasaran

Segmen kediaman siap dibina belum terjual terus berdepan cabaran pada H1 2026. Sebanyak 33,094 unit siap dibina belum terjual direkodkan bernilai RM17.78 bilion, berbanding 30,471 unit belum terjual bernilai RM17.73 bilion yang direkodkan pada H2 2025. Trend peningkatan berterusan sejak H2 2024 menunjukkan bahawa bilangan unit siap dibina belum terjual lebih tinggi daripada kadar penyerapan pembeli.

Market Status

The unsold completed residential segment faced ongoing headwinds in H1 2026. A total of 33,094 completed units recorded valued at RM17.78 billion, compared to 30,471 unsold units worth RM17.73 billion which recorded in H2 2025. The continuous upward trend since H2 2024 indicates that the volume of unsold completed units has outpaced the buyer absorption rate.

Johor merekodkan bilangan unit kediaman belum terjual tertinggi dalam negara, dengan 4,222 unit, mewakili 12.8% daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Selangor (4,185 unit) dan Perak (4,075 unit). Dari segi nilai, Johor juga mendahului senarai dengan jumlah nilai unit siap dibina belum terjual sebanyak RM3.72 bilion, mendahului Selangor (RM3.11 bilion) dan WP Kuala Lumpur (RM1.92 bilion).

Johor recorded the highest number of unsold completed residential units in the country with 4,222 units, representing 12.8% of the national total. This was followed closely by Selangor (4,185 units) and Perak (4,075 units). In terms of value, Johor also topped the list with a total unsold completed value of RM3.72 billion, ahead of Selangor at RM3.11 billion and WP Kuala Lumpur at RM1.92 billion.

Kondominium dan pangsapuri menyumbang syer terbesar daripada jumlah unit kediaman siap dibina belum terjual, merangkumi 42.8% (14,160 unit). Ini diikuti oleh rumah teres yang mewakili 34.9% (11,547 unit), manakala rumah berkembar dan kluster masing-masing membentuk 9.4% (3,124 unit) dan 4.3% (1,411 unit). Baki 8.6% lagi terdiri daripada jenis harta tanah kediaman yang lain.

Condominiums and apartments constituted the largest share of the total unsold completed residential units, accounting for 42.8% (14,160 units). This was followed by terraced houses, which represented 34.9% (11,547 units), while semi-detached and cluster houses made up 9.4% (3,124 units) and 4.3% (1,411 units) respectively. The remaining 8.6% consisted of other residential property types.

Dari segi taburan harga, unit kediaman mampu milik berharga di bawah RM300,000 membentuk bahagian terbesar bagi kediaman siap dibina belum terjual, menyumbang sebanyak 37.3% (12,340 unit) daripada jumlah keseluruhan. Rumah berharga antara RM300,001 hingga RM500,000 membentuk 27.6% (9,145 unit), diikuti oleh unit kediaman dalam julat harga RM500,001 hingga RM1 juta yang menyumbang sebanyak 25.6% (8,459 unit). Baki yang selebihnya sebanyak 9.5% (3,150 unit) merangkumi kediaman mewah berharga lebih RM1 juta.

In terms of price distribution, affordable houses units priced below RM300,000 constituted the largest share of the residential unsold completed, accounting for 37.3% (12,340 units) of the national total. Houses priced between RM300,001 and RM500,000 made up 27.6% (9,145 units), followed closely by those in the RM500,001 to RM1 million range, which accounted for 25.6% (8,459 units). The remaining 9.5% (3,150 units) comprised luxury homes priced above RM1 million.

Chart 15

Residential Unsold Completed Units H1 2024 – H1 2026




Chart 16

Residential Unsold Units H1 2024 – H1 2026





Chart 17

Residential Market Status by Selected States



	WP Kuala Lumpur	Selangor	Johor	Pulau Pinang	Perak
Unsold Completed	3,687	4,185	4,222	3,114	4,075
Unsold Under Construction	2,498	15,665	5,879	7,100	6,967
Unsold Not Constructed	2,851	994	2,788	135	1,841

Prestasi bagi segmen dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual menunjukkan perkembangan yang menggalakkan, apabila bilangannya masing-masing menyusut kepada 58,611 unit (H2 2025: 72,384 unit) dan 12,894 unit (H2 2025: 14,625 unit).

The performance of the unsold under construction and unsold not constructed segments was encouraging, as volumes declined to 58,611 units (H2 2025: 72,384 units) and 12,894 units (H2 2025: 14,625 units), respectively.

Aktiviti Pembinaan

Construction Activity

Prestasi aktiviti pembinaan kediaman adalah sederhana dengan jumlah kediaman siap dibina menyusut kepada 35,909 unit, berbanding 42,431 unit pada H1 2025. Selangor mendahului pertambahan penawaran dengan 7,651 unit siap dibina, diikuti oleh Johor dengan 7,474 unit. Rumah teres mendominasi unit kediaman siap dibina, merangkumi lebih daripada 50.0% (20,479 unit) daripada jumlah keseluruhan, manakala unit kondominium dan pangsapuri menyumbang sebanyak 21.3% (7,632 unit).


The performance of the residential construction activity moderated as housing completions contracted to 35,909 units, compared to 42,431 units in H1 2025. Selangor led this supply expansion with 7,651 completed units, followed closely by Johor with 7,474 units. Terraced houses dominated completions, representing over 50.0% (20,479 units) of the total, while condominium and apartment units accounted for 21.3% (7,632 units).

Mengikut trend yang sama, prestasi kediaman mula dibina adalah perlahan dengan mencatatkan penurunan kepada 27,765 unit berbanding 43,556 unit dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, penawaran baharu dirancang menunjukkan perkembangan positif apabila meningkat kepada 30,469 unit berbanding 24,418 unit pada H1 2025. Setakat akhir Jun 2026, stok kediaman sedia ada di Malaysia melebihi 6.55 juta unit, dengan tambahan hampir 285,000 unit bagi penawaran akan datang dan melebihi 263,000 unit lagi bagi penawaran yang dirancang.

In a similar trend, the performance of residential starts softened, declining to 27,765 units from the 43,556 units recorded in the same period last year. Nevertheless, new planned supply expanded, climbing to 30,469 units from 24,418 units in H1 2025. By the end of June 2026, Malaysia's existing residential stock surpassed 6.55 million units, with an additional almost 285,000 units in the incoming supply and more than 263,000 units in the planning supply.

Chart 18

Residential Construction Activity H1 2022 – H1 2026



	H1 2022	H1 2023	H1 2024	H1 2025	H1 2026
Completion	31,699	28,412	31,572	42,431	35,909
Starts	41,600	41,101	41,555	43,556	27,765
New Planned Supply	36,997	31,139	40,505	24,418	30,469

Pergerakan Harga


Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) berada pada paras 234.7 mata (purata harga RM506,317 seunit) bagi S2 2026^{P}, dengan pertumbuhan tahunan marginal sebanyak 0.9%. Semua negeri mencatat pertumbuhan tahunan yang positif kecuali Selangor dan Perak. Perlis mendahului pertumbuhan dengan 7.0%, diikuti oleh Melaka (4.6%) dan Kelantan (3.9%). Rumah teres dan rumah sesebuah menunjukkan pertumbuhan tahunan tertinggi sebanyak 1.1%, manakala unit bertingkat tinggi mencatatkan sebanyak 0.9%. Sementara itu, rumah berkembar tiada perubahan berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Price Movements

The Malaysian House Price Index (MHPI) stood at 234.7 points with an average price of RM506,317 per unit in Q2 2026^{P}, recording marginal annual growth of 0.9%. All states recorded positive annual growth except Selangor and Perak. Perlis led with 7.0% growth, followed by Melaka (4.6%) and Kelantan (3.9%). Terraced and detached houses saw the highest growth at 1.1%, high-rise units recorded 0.9%. Meanwhile semi-detached houses remained unchanged compared to the same period last year.

Chart 19


MHPI: Index Point, Annual and Quarterly Percentage Change Q1 2022 - Q2 2026^{P}



	Q1 22	Q2 22	Q3 22	Q4 22	Q1 23	Q2 23	Q3 23	Q4 23	Q1 24	Q2 24	Q3 24	Q4 24	Q1 25	Q2 25	Q3 25	Q4 25	Q1 26	Q2 26P
Index Point	205.9	207.8	212.4	213.0	215.8	216.8	219.4	221.2	223.4	225.7	228.9	231.0	231.3	232.5	234.2	236.7	235.9	234.7
Annual Change (%)	2.4	2.6	5.1	3.9	4.8	4.3	3.3	3.8	3.5	4.1	4.3	4.4	3.5	3.0	2.3	2.5	2.0	0.9
Quarterly Change (%)	0.4	0.9	2.2	0.3	1.3	0.5	1.2	0.8	1.0	1.0	1.4	0.9	0.1	0.5	0.7	1.1	-0.3	-0.5

Chart 20

MHPI: Point and Annual Changes by Type Q1 2022 – Q2 2026[P]




House Type	Q2 2026[P] Index Point	Q2 2026[P] Average Price
ALL HOUSE	234.7	RM506,317
Terraced	265.1	RM491,820
High-Rise	222.4	RM383,864
Semi-Detached	204.1	RM764,694
Detached	180.9	RM691,449

House Type	Q1 2022 Index Point	Q1 2022 Average Price
ALL HOUSE	205.9	RM444,230
Terraced	227.5	RM422,008
High-Rise	200.1	RM345,417
Semi-Detached	182.8	RM685,092
Detached	165.0	RM630,980

	Q1 22	Q2 22	Q3 22	Q4 22	Q1 23	Q2 23	Q3 23	Q4 23	Q1 24	Q2 24	Q3 24	Q4 24	Q1 25	Q2 25	Q3 25	Q4 25	Q1 26	Q2 26P
All House	2.4	2.6	5.1	3.9	4.8	4.3	3.3	3.8	3.5	4.1	4.3	4.4	3.5	3.0	2.3	2.5	2.0	0.9
Terraced	3.4	3.5	6.0	4.7	4.9	4.8	3.8	4.8	4.2	1.1	4.8	4.7	4.5	4.0	2.6	2.2	2.4	1.1
High-Rise	1.8	1.7	7.4	6.8	7.3	6.4	2.2	1.7	1.4	-0.7	3.3	4.2	2.0	0.3	0.7	2.6	-0.4	0.9
Semi-Detached	3.4	3.4	4.0	1.8	3.6	1.6	3.6	4.2	4.4	2.6	4.4	5.1	2.4	2.8	2.9	2.4	2.7	0.0
Detached	-2.5	-1.4	-1.6	-2.6	1.8	2.0	2.6	2.6	2.5	0.5	3.8	2.8	2.8	3.3	3.1	3.3	3.6	1.1

Chart 21

MHPI: Point and Annual Changes in Major States Q1 2022 – Q2 2026[P]



House Type	Q2 2026[P] Index Point	Q2 2026[P] Average Price
ALL HOUSE	234.7	RM506,317
Kuala Lumpur	207.8	RM825,282
Selangor	231.4	RM561,187
Johor	313.9	RM489,881
Pulau Pinang	224.5	RM503,388

House Type	Q1 2022 Index Point	Q1 2022 Average Price
ALL HOUSE	205.9	RM444,230
Kuala Lumpur	191.9	RM762,072
Selangor	210.2	RM509,859
Johor	242.7	RM378,680
Pulau Pinang	193.7	RM434,291

	Q1 22	Q2 22	Q3 22	Q4 22	Q1 23	Q2 23	Q3 23	Q4 23	Q1 24	Q2 24	Q3 24	Q4 24	Q1 25	Q2 25	Q3 25	Q4 25	Q1 26	Q2 26P
All House	2.4	2.6	5.1	3.9	4.8	4.3	3.3	3.8	3.5	4.1	4.3	4.4	3.5	3.0	2.3	2.5	2.0	0.9
Kuala Lumpur	0.4	0.5	2.1	0.7	2.7	3.5	2.7	2.7	2.2	2.4	3.6	3.7	1.6	-0.2	0.7	2.5	2.3	2.7
Selangor	3.1	3.0	6.1	3.5	4.6	4.0	2.8	4.4	3.4	4.8	3.7	3.2	2.4	1.2	1.1	0.5	-0.3	-1.1
Johor	1.0	1.7	4.6	4.1	6.5	7.1	6.8	6.8	6.3	5.4	6.2	8.8	9.0	9.0	5.8	4.7	5.9	3.6
Pulau Pinang	-0.3	1.1	6.8	6.6	8.3	4.7	2.1	1.1	2.2	3.5	5.1	4.5	1.6	4.1	2.9	4.7	3.7	0.2

Sewa

Pasaran sewaan kediaman menyaksikan rumah teres dan unit kediaman bertingkat tinggi mengalami pertumbuhan sewa di lokasi terpilih. Di WP Kuala Lumpur, trend peningkatan sewa direkodkan di beberapa kawasan yang mempunyai permintaan sewa tinggi, terutamanya kawasan yang terletak bersebelahan dengan stesen LRT dan MRT, serta mempunyai jaringan ketersambungan yang cekap. Rumah teres dua tingkat di Desa Park City (Adiva), Desa Park City (South Lake) dan Desa Park City (Casaman) mencatatkan sewaan yang tinggi antara RM4,000 hingga RM13,000 sebulan.

Rental

The residential rental market was witnessed the terraced houses and high-rise units experiencing rental growth in selected locations. In WP Kuala Lumpur, upward rentals trends were observed in several high rental demand areas, particularly those adjacent to LRT and MRT stations, and efficient connectivity. Double storey terrace in Desa Park City (Adiva), Desa Park City (South Lake) and Desa Park City (Casaman) commanded high rentals between RM4,000 to RM13,000 per month.

Sementara itu, unit kondominium di The Binjai on The Park, 3 Kia Peng, The Oval, U Thant Residence, 10 Mont Kiara, Seni Mont Kiara dan Sunway Vivaldi mencapai sewaan bulanan daripada RM8,000 hingga RM20,000.

Di Selangor, pasaran sewa rumah teres dua tingkat menunjukkan pertumbuhan sewa yang sederhana, terutamanya di Daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat. Harta tanah yang serupa di Valencia, Sungai Buloh merekodkan kadar sewaan bulanan premium melebihi RM8,000 sebulan. Pasaran sewa bagi unit kondominium juga stabil, dengan sewaan bulanan yang lebih tinggi antara RM2,500 hingga RM3,500 direkodkan di La Costa Condominium, Saujana Villa Resort, Subang Park Home dan One Jelatek.

Di Wilayah Selatan, pasaran sewaan sebahagian besarnya kekal stabil. Beberapa peningkatan sewa diperhatikan di beberapa daerah, iaitu Batu Pahat, Johor dan Seremban, Negeri Sembilan. Kadar sewa bagi unit kondominium di Wadihana Condominium, Johor Bahru merekodkan paras setinggi RM3,500 sebulan.

Di Wilayah Utara, pasaran sewaan di Pulau Pinang adalah stabil secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, pergerakan kadar sewaan yang bercampur diperhatikan bagi rumah teres dan unit kediaman bertingkat tinggi di kebanyakan daerah. Unit kondominium di Daerah Timur Laut dan Barat Daya menyaksikan kenaikan kadar sewa sebanyak 2.2% hingga 5.1%. Sementara itu, kondominium 8 Gurney, Pulau Pinang mencatatkan kadar sewaan tertinggi, iaitu antara RM9,200 hingga RM14,000 sebulan.

Meanwhile, condominiums units in The Binjai on The Park, 3 Kia Peng, The Oval, U Thant Residence, 10 Mont Kiara, Seni Mont Kiara and Sunway Vivaldi achieved monthly rentals from RM8,000 to RM20,000.

In Selangor, double storey terraced houses rental market showed modest rental growth, particularly in Districts of Petaling, Klang and Hulu Langat. Similar properties in Valencia, Sungai Buloh achieved premium monthly rentals exceeding RM8,000 per month. Rental market for condominium units also stable, with higher monthly rentals between RM2,500 and RM3,500 recorded in La Costa Condominium, Saujana Villa Resort, Subang Park Home and One Jelatek.

In the Southern Region, the rental market remained largely stable. Several rental increases observed several districts, namely Batu Pahat, Johor, and Seremban, Negeri Sembilan. Rental rates for condominium units at Wadihana Condominium, Johor Bahru recorded rental rate as high as RM3,500 per month.

In the Northern Region, Pulau Pinang's rental market was stable overall. However, mixed rental movements were observed for terraced houses and high-rise units across most districts. Condominium units in the Timur Laut and Barat Daya Districts saw rental increases of 2.2% to 5.1%. Meanwhile, 8 Gurney, Pulau Pinang condominium registering highest rates between RM9,200 and RM14,000 per month.


2.2 HARTA TANAH KOMERSIAL

Transaksi

Subsektor komersial berkembang sebanyak 0.9% kepada 21,454 transaksi pada H1 2026 (H1 2025: 21,260 transaksi), disokong oleh transaksi kedai teres dua hingga dua setengah tingkat. Bagaimanapun, nilai transaksi komersial keseluruhan RM24.13 bilion berbanding RM24.45 bilion pada H1 2025, mencerminkan momentum keseluruhan yang stabil. Sebahagian besar negeri mencatatkan peningkatan dalam aktiviti komersial, kecuali Selangor, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Sabah dan Perlis yang merekodkan penurunan.

Chart 22

Commercial Transactions Volume H1 2022 - H1 2026




2.2 *COMMERCIAL PROPERTY*

Transaction

The commercial sub-sector expanded by 0.9% to 21,454 transactions in H1 2026 (H1 2025: 21,260 transactions), driven mainly by two to two and a half storey terrace shop transaction. Conversely, the total value of commercial transactions recorded RM24.13 billion compared to RM24.45 billion in H1 2025, reflecting steady overall momentum. Most states recorded an increase in commercial activity, except for Selangor, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Sabah and Perlis, which registered declines.

Chart 23

Commercial Transactions Value H1 2022 - H1 2026



2.2.1 Kedai (Satu hingga Enam Setengah Tingkat dan Kedai Sebelum Perang)

Transaksi

Pada H1 2026, segmen kedai merekodkan 9,060 transaksi bernilai RM9.67 bilion, berbanding dengan H1 2025 (9,147 transaksi bernilai RM9 bilion). Prestasi ini disokong terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam transaksi kedai teres dua hingga dua setengah tingkat. Johor kekal sebagai penyumbang terbesar segmen kedai mengikut bilangan transaksi, menyumbang sebanyak 20.1% (1,823 transaksi), diikuti oleh Selangor sebanyak 19.8% (1,796 transaksi) dan Sarawak sebanyak 11.9% (1,074 transaksi). Dari segi nilai,

2.2.1 Shop (One to Six and A-half Storey and Pre-war Shop)

Transaction

In H1 2026, the shop segment recorded 9,060 transactions worth RM9.67 billion, compared to H1 2025 (9,147 transactions worth RM9 billion). The performance was mainly driven by continued expansion in two to two and a half storey shop transactions. Johor remained the largest contributor to the shop segment by transactions volume, accounting for 20.1% (1,823 transactions), followed by Selangor with 19.8% (1,796 transactions) and Sarawak with 11.9% (1,074 transactions). In terms of value, Selangor led the market, contributing 29.8%

Selangor mendahului pasaran, menyumbang sebanyak 29.8% (RM2.88 bilion), manakala Johor berada di kedudukan kedua dengan 23.3% (RM2.25 bilion) daripada jumlah nilai.

(RM2.88 billion), while Johor ranked second with 23.3% (RM2.25 billion) of the total value.

Mengikut jenis harta tanah, kedai teres dua hingga dua setengah tingkat adalah yang paling aktif dan mendapat permintaan tinggi, menyumbang 54.1% (4,904 transaksi) daripada transaksi kedai. Ini diikuti oleh kedai teres tiga hingga tiga setengah tingkat, yang membentuk 27.7% atau 2,507 transaksi.

By property type, two to two and a half storey shops were the most active and in demand, accounting for 54.1% (4,904 transactions) of the shop transactions. This was followed three to three and a half storey shops, which made up 27.7% or 2,507 transactions.

Chart 24

Shop Transactions Volume H1 2022 – H1 2026





Chart 25

Shop Transactions Value H1 2022 – H1 2026



Status Pasaran

Segmen kedai siap dibina belum terjual menunjukkan perkembangan ketara apabila bilangannya susut kepada 6,124 unit bernilai RM4.67 bilion, berbanding 6,492 unit bernilai RM5.46 bilion pada H2 2025. Johor muncul sebagai penyumbang utama dengan mencatat sebanyak 1,111 unit bernilai RM0.97 bilion, mewakili sebanyak 18.1% daripada bilangan dan sebanyak 20.8% daripada nilai keseluruhan. Walau bagaimanapun, situasi kedai siap dibina belum terjual di Johor yang mempamerkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan H2 2025. Sementara itu, trend positif yang sama turut dicatat dalam segmen kedai dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual, apabila kedua-duanya masing-masing menyusut kepada 4,344 unit (H2 2025: 5,317 unit) dan 425 unit (H2 2025: 686 unit).

Market Status

The unsold completed shop segment showed a notable improvement as volumes declined to 6,124 units valued at RM4.67 billion, compared to 6,492 units valued at RM5.46 billion in H2 2025. Johor emerged as a primary contributor, registering 1,111 units valued at RM0.97 billion, which accounted for 18.1% of the volume and 20.8% of the overall value. Nevertheless, the unsold completed shop situation in Johor demonstrated an improved performance compared to H2 2025. Meanwhile, a similar positive trend was observed in the unsold under construction and not constructed shop segments, both declined to 4,344 units (H2 2025: 5,317 units) and 425 units (H2 2025: 686 units), respectively.

Chart 26

Shop Unsold Completed Units H1 2024 – H1 2026





Chart 27

Shop Unsold Units H1 2024 – H1 2026



Aktiviti Pembinaan


Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan berada pada tahap sederhana aktif sepanjang tempoh kajian. Jumlah unit siap dibina meningkat sebanyak 65.6% kepada 2,469 unit berbanding dengan 1,491 unit yang direkodkan pada H1 2025. Mengikut trend yang sama, unit mula dibina meningkat kepada 2,292 unit (H1 2025: 1,609 unit), manakala penawaran baharu dirancang meningkat kepada 1,855 unit (H1 2025: 1,166 unit). Sehingga akhir Jun 2026, terdapat lebih 562,000 unit kedai sedia ada di pasaran, dengan hampir 22,000 unit bagi penawaran akan datang dan lebih 13,000 unit lagi bagi penawaran yang dirancang.

Construction Activity

On the supply front, construction activity was moderately active during the review period. Completions expanded by 65.6% to 2,469 units, compared to the 1,491 units recorded in H1 2025. Following a similar trend, starts increased to 2,292 units (H1 2025: 1,609 units), while new planned supply rose to 1,855 units (H1 2025: 1,166 units). As of end-June 2026, there were over 562,000 existing shop units in the market, supplemented by nearly 22,000 units in the incoming supply and over 13,000 units in the planned supply.

Chart 28

Shop Construction Activity H1 2022 – H1 2026



	H1 2022	H1 2023	H1 2024	H1 2025	H1 2026
Completion	1,771	1,427	933	1,491	2,469
Starts	1,270	1,524	2,163	1,609	2,292
New Planned Supply	1,268	1,280	1,613	1,166	1,855

Harga

Harga harta tanah kedai secara umumnya adalah stabil. Walau bagaimanapun, beberapa kawasan mencatatkan trend harga yang pelbagai. Pergerakan harga yang minimum diperhatikan di lokasi strategik dan mapan di semua negeri utama. Di WP Kuala Lumpur, kedai dua tingkat di Teh Wan Sang, Lucky Garden (Jalan Bangsar), Taynton View, Happy Garden dan Salak South Garden mengalami peningkatan harga iaitu antara 2.2% hingga 13.9%, dengan harga transaksi dalam lingkungan daripada RM1.38 million hingga RM5 million. Sementara itu, di Selangor, kedai dua dan tiga tingkat turut mencatatkan kenaikan harga, iaitu di Seksyen 17 Shah Alam, Bandar Sunway Semenyih, TTDI Jaya, Putra Heights dan Bandar Pinggiran Subang dipindah milik pada harga antara RM2.50 juta hingga RM4.20 juta.

Di Wilayah Selatan, beberapa kenaikan harga telah direkodkan, terutamanya di kawasan komersial yang mapan dengan jaringan perhubungan jalan raya yang kukuh. Di Daerah Johor Bahru, unit kedai dua dan tiga tingkat mencatatkan kenaikan harga marginal dalam lingkungan 2.4% hingga 18.7%, dengan harga transaksi mencecah setinggi RM4.28 juta. Sementara itu, di Pulau Pinang, harga tertinggi bagi unit kedai tiga tingkat direkodkan di Daerah Timur Laut, dengan harga transaksi berada dalam lingkungan antara RM2.34 hingga RM5.32 juta.

Sewa

Kadar sewaan pasaran bagi tingkat bawah kedai menunjukkan trend yang stabil secara keseluruhan. WP Kuala Lumpur terus merekodkan kadar sewaan tertinggi dalam negara, dengan sewaan bulanan mencecah sehingga RM25,000 di Jalan Sultan Ismail. Kawasan utama yang lain, seperti Bangsar Baru, memperoleh kadar sewaan bulanan antara RM15,000 hingga RM19,000, manakala Desa Sri Hartamas mencatatkan kadar sewaan antara RM8,000 hingga RM19,000 sebulan. Di Selangor, pertumbuhan kadar sewaan melebihi 8.0% telah direkodkan di Taman Melawati, Seksyen 7 (Bandar Baru Bangi) dan Taman Pelangi (Semenyih 1 & 2), dengan kadar sewaan bulanan berada dalam

Price

Shop property prices were generally stable. However, some areas recorded variety of price trends. Minimal price movements were observed in strategic and well-established locations across all major states. In WP Kuala Lumpur, double-storey shops in Teh Wan Sang, Lucky Garden (Jalan Bangsar), Taynton View, Happy Garden and Salak South Garden experienced price growth of between 2.2% and 13.9%, with transaction prices ranging from RM1.38 million to RM5 million. Meanwhile, in Selangor, double and three storey shop units also recorded price appreciation, namely in Seksyen 17 Shah Alam, Bandar Sunway Semenyih, TTDI Jaya, Putra Heights and Bandar Pinggiran Subang transacted at between RM2.50 million and RM4.20 million.

In the Southern Region, several price increases were recorded, particularly in established commercial areas with strong road connectivity. In the Johor Bahru District, double- and three-storey shop units recorded marginal price appreciation ranging from 2.4% to 18.7%, with transaction prices reaching as high as RM4.28 million. Meanwhile, in Pulau Pinang, the highest priced of three storey shop units were recorded in the Timur Laut District, with transaction prices ranging between RM2.34 million and RM5.32 million.

Rental

Market rentals for ground floor shops demonstrated a stable trend overall. WP Kuala Lumpur continued to record the highest rental rates in the country, with monthly rentals reaching up to RM25,000 at Jalan Sultan Ismail. Other prominent areas, such as Bangsar Baru, obtained monthly rental rates ranging from RM15,000 to RM19,000, while Desa Sri Hartamas observed rates from RM8,000 to RM19,000 per month. In Selangor, rental growth exceeding 8.0% was recorded in Taman Melawati, Seksyen 7, Bandar Baru Bangi and Taman Pelangi (Semenyih 1 & 2), with monthly rentals ranging from RM3,100 to RM7,800. Meanwhile, Bandar Setia Alam and Bandar Baru Ampang achieved

lingkungan RM3,100 hingga RM7,800. Sementara itu, Bandar Setia Alam dan Bandar Baru Ampang mencapai kadar sewaan yang lebih tinggi, iaitu antara RM7,000 hingga RM8,500 sebulan.

Di Wilayah Selatan, kadar sewaan bagi kedai tingkat bawah di Johor Bahru sebahagian besarnya kekal stabil, walaupun beberapa pergerakan bercampur direkodkan di kawasan terpilih. Kadar sewaan di Kebun Teh Commercial City meningkat sebanyak 3.8% dengan sewaan bulanan sebanyak RM4,500, manakala unit kedai di Jalan Alam 3, Bandar Alam Masai, Johor mencatatkan kadar sewaan antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan.

Sementara itu, di Wilayah Utara, Pulau Pinang menunjukkan pertumbuhan kadar sewaan yang sederhana di beberapa kawasan. Sewaan bulanan bagi beberapa skim di daerah Timur Laut dan Barat Daya meningkat sebanyak 3.7% hingga 10.0%, dengan kadar sewaan antara RM3,000 hingga RM5,000 sebulan. Peningkatan yang sama turut dialami oleh kedai tingkat bawah di daerah lain seperti Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan, yang mengalami kenaikan kadar sewaan marginal antara 2.3% hingga 10.0% di beberapa skim.

higher rental rates, ranging between RM7,000 and RM8,500 per month.

In the Southern Region, rentals for ground-floor shops in Johor Bahru remained largely stable, although some mixed movements were recorded in selected areas. Rental rates at Kebun Teh Commercial City rose by 3.8%, with monthly rentals standing at RM4,500, while, Jalan Alam 3 in Bandar Alam Masai, Johor registered a rentals ranging from RM2,000 to RM3,000 per month.

Meanwhile, in the Northern Region, Pulau Pinang showed modest rental growth across several areas. Monthly rentals for several schemes in the Timur Laut and Barat Daya districts rose by 3.7% to 10.0%, with rates ranging from RM3,000 to RM5,000. Similarly, rentals for ground-floor shops in other districts, such as Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara and Seberang Perai Selatan, also experienced marginal rental increases of between 2.3% and 10.0% across several schemes.

2.2.2 Pangsapuri Khidmat

Transaksi

Aktiviti pasaran bagi segmen pangsapuri khidmat menunjukkan prestasi bercampur, dengan bilangan transaksi mencatatkan penurunan kepada 6,528 transaksi pada H1 2026 (H1 2025: 6,624 transaksi). Bagaimanapun, dari sudut yang lebih positif, nilai transaksi meningkat sebanyak 7.8% kepada RM5.56 bilion berbanding dengan RM5.16 bilion yang direkodkan pada H1 2025, sekali gus menunjukkan peningkatan permintaan bagi unit bernilai lebih tinggi.

WP Kuala Lumpur kekal sebagai pasaran paling aktif dengan menyumbang sebanyak 40.7% daripada jumlah keseluruhan nasional (2,660 transaksi), diikuti oleh Johor dengan 25.4% (1,658 transaksi) dan Selangor sebanyak 21.8% (1,426 transaksi). Bagi menggambarkan kepentingan segmen ini

2.2.2 Serviced Apartment

Transaction

Market activity in the serviced apartment segment showed mixed performance with transaction volume recorded 6,528 transactions in H1 2026 (H1 2025: 6,624 transactions). On a better note, the transaction value rose by 7.8% to RM5.56 billion compared to RM5.16 billion recorded in H1 2025, indicating increased demand for higher value units.

WP Kuala Lumpur remained the most active market, contributing 40.7% of the national total (2,660 transactions), followed closely by Johor at 25.4% (1,658 transactions) and Selangor at 21.8% (1,426 transactions). Highlighting their significance within the commercial property subsector, serviced

dalam subsektor harta tanah komersial, pangsapuri khidmat muncul sebagai pemacu utama dengan merangkumi 30.4% daripada keseluruhan bilangan transaksi komersial.

apartments emerged as a major driver, representing 30.4% of all commercial transaction volume.

Chart 29

Serviced Apartment Transactions Volume H1 2022 – H1 2026





Chart 30

Serviced Apartment Transactions Value H1 2022 – H1 2026



Status Pasaran

Prestasi subsektor pangsapuri khidmat adalah sederhana pada H1 2026. Bilangan unit siap dibina belum terjual mencapai 23,375 unit dengan nilai keseluruhan sebanyak RM19.33 bilion, berbanding dengan H2 2025 (18,752 unit dengan nilai keseluruhan sebanyak RM15.42 bilion). Johor mendahului dengan mencatatkan sebanyak 9,946 unit, diikuti oleh WP Kuala Lumpur (6,343 unit) dan Selangor (4,034 unit). Gabungan ketiga-tiga negeri ini menyumbang sebanyak 86.9% (20,323 unit) daripada keseluruhan unit siap dibina belum terjual bagi segmen pangsapuri khidmat.

Analisis unit siap dibina belum terjual mengikut taburan harga mendedahkan bahawa sebahagian besar unit tertumpu dalam julat harga antara RM500,001 hingga RM1 juta, dengan merangkumi sebanyak 55.3% (12,914 unit) daripada jumlah keseluruhan. Segmen mewah bernilai melebihi RM1 juta mewakili sebanyak 18.2% (4,254 unit), manakala julat harga RM300,001 hingga RM500,000 membentuk sebanyak 17.7% (4,144 unit). Sementara itu, unit mampu milik berharga RM300,000 dan ke bawah merangkumi baki sebanyak 8.8% (2,063 unit) daripada keseluruhan unit belum terjual.

Market Status

The performance of the serviced apartment sub-sector moderated in H1 2026. The number of unsold completed units reached 23,375 units with a total value of RM19.33 billion, compared to H2 2025 (18,752 units with a total value of RM15.42 billion). Johor topped the list with 9,946 units, followed by WP Kuala Lumpur with 6,343 units and Selangor with 4,034 units. Combined, these three states accounted for 86.9% (20,323 units) of the total unsold serviced apartment units.

An analysis of the unsold completed units by price distribution reveals that most units were concentrated in the bracket between RM500,001 and RM1 million, comprising 55.3% (12,914 units) of the total. The premium segment valued above RM1 million represented 18.2% (4,254 units), while RM300,001 to RM500,000 constituted 17.7% (4,144 units). Meanwhile, affordable units priced at RM300,000 and below made up the final 8.8% (2,063 units) of the unsold units.

Segmen dalam pembinaan belum terjual mencatatkan penurunan kepada 50,112 unit (H2 2025: 50,329 unit), dengan Selangor mendahului penurunan tersebut dengan menyumbang sebanyak 34.8% (17,437 unit). Sebaliknya, segmen belum dibina belum terjual meningkat kepada 14,618 unit (H2 2025: 14,302 unit) yang didominasi oleh WP Kuala Lumpur dengan syer sebanyak 41.8% (6,109 unit).

The unsold under construction segment saw a slight decline to 50,112 units (H2 2025: 50,329 units), with Selangor topping the list by contributing 34.8% (17,437 units). In contrast, unsold unconstructed units rose to 14,618 units (H2 2025: 14,302 units), dominated by WP Kuala Lumpur with a 41.8% share (6,109 units).

Chart 31

Serviced Apartment Unsold Completed Units H1 2024 – H1 2026




Chart 32

Serviced Apartment Unsold Units H1 2024 – H1 2026





Chart 33

Serviced Apartment Market Status in Major States H1 2026



	WP Kuala Lumpur	Selangor	Johor	Pulau Pinang
Unsold Completed	6,343	4,034	9,946	192
Unsold Under Construction	8,767	17,437	10,756	3,441
Unsold Not Constructed	6,109	1,210	5,853	331

Aktiviti Pembinaan


Prestasi penawaran bagi sektor pangsapuri khidmat menunjukkan perbezaan yang ketara pada H1 2026. Bilangan unit siap dibina dan unit mula dibina masing-masing berkembang sebanyak 27.5% (10,165 unit) dan 9.2% (17,070 unit), manakala penawaran baharu yang dirancang melonjak melebihi dua kali ganda kepada 17,251 unit berbanding dengan H1 2025. Sehingga akhir Jun 2026, terdapat hampir 500,000 unit pangsapuri khidmat sedia ada di pasaran, dengan tambahan lebih daripada 193,000 unit bagi penawaran akan datang dan hampir 128,000 unit lagi bagi penawaran yang dirancang.

Construction Activity

The supply performance of the serviced apartment sector was highly divergent in H1 2026. Completions and starts expanded by 27.5% (10,165 units) and 9.2% (17,070 units), while new planned supply surged by more than double to 17,251 units, respectively, compared to H1 2025. As of end-June 2026, there were nearly 500,000 existing serviced apartment units in the market, supplemented by more than 193,000 units in the incoming pipeline and almost 128,000 units in the planned supply.

Chart 34

Serviced Apartment Construction Activity H1 2022 – H1 2026



	H1 2022	H1 2023	H1 2024	H1 2025	H1 2026
Completion	9,677	7,684	15,518	7,973	10,165
Starts	6,982	4,967	10,363	15,625	17,070
New Planned Supply	6,022	2,842	13,311	6,352	17,251

Harga

Segmen pangsapuri khidmat merekodkan prestasi harga yang bercampur, dengan peningkatan harga tertumpu di kawasan pembangunan yang strategik dan mempunyai kemudahsampaian yang baik. Di WP Kuala Lumpur, pangsapuri khidmat mencatatkan harga tertinggi dalam negara. Satu unit di Pavilion Residences mencatatkan rekod harga sebanyak RM7.35 juta, manakala unit di The Troika KLCC dipindah milik pada harga RM6.50 juta. Harta tanah yang serupa di Selangor turut mengalami kenaikan harga marginal; bagaimanapun, di Daerah Hulu Langat, harganya kekal dalam lingkungan yang lebih rendah, iaitu sebahagian besarnya di bawah RM650,000. Sementara itu, Johor menunjukkan pergerakan harga yang bercampur merentasi skim terpilih, dengan D'Putra Suites merekodkan pertumbuhan harga sebanyak 10.9% untuk berpindah milik pada harga RM510,000.

Price

Prices of serviced apartments saw mixed movements, with growth primarily recorded in strategically located schemes served with good accessibility. In WP Kuala Lumpur, serviced apartments commanded the highest prices in the country. A unit at Pavilion Residences, achieved a record price of RM7.35 million, while another at The Troika KLCC was transacted at RM6.50 million. Similar properties in Selangor also experienced marginal price increases, especially in the Districts of Hulu Langat prices were in the lower range, mostly under RM650,000. Meanwhile, in Johor demonstrated mixed price movements in selected schemes. D'Putra Suites recorded a price growth of 10.9%, transacted at RM510,000.

Di Wilayah Utara, harga pangsapuri khidmat di Pulau Pinang dan Perak secara amnya kekal stabil. Di Pulau Pinang, The Tamarind di daerah Timur Laut dipindah milik dalam lingkungan harga yang lebih tinggi, iaitu melebihi RM1 juta. Sementara itu, Luminari Residence di Seberang Perai Utara mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.1% dengan harga transaksi sebanyak RM519,000.

In the Northern Region, prices of serviced apartment in Pulau Pinang and Perak were generally stable. In Pulau Pinang, The Tamarind in Timur Laut, was transacted at the higher range of above RM1 million. Meanwhile Luminari Residence in Seberang Perai Utara recorded a growth of 8.1%, transacted at RM519,000.

Sewa

Sewaan pasaran secara amnya adalah stabil di semua negeri utama, dengan beberapa trend peningkatan direkodkan di beberapa skim, terutamanya di lokasi utama dan strategik. Di WP Kuala Lumpur, beberapa skim merekodkan kenaikan kadar sewaan melebihi 7.0%, iaitu Waldorf Service Apartment, M Suite 283, Taragon Puteri KL, Pearl Suria Residence dan Residensi 222. Kadar sewaan tertinggi direkodkan di Banyan Tree, dengan sewaan bulanan lingkungan antara RM14,000 hingga RM18,000. Walau bagaimanapun, keadaan sewaan di Selangor adalah berbeza, dengan kadar sewaan sebahagian besarnya kekal stabil di samping kenaikan marginal di beberapa skim. Kadar sewaan tertinggi direkodkan di Isola Subang Jaya dengan sewaan bulanan berada dalam lingkungan RM3,500 hingga RM4,000.

Di Johor Bahru, skim yang terletak berhampiran dengan pusat bandar dan mempunyai kemudahsampaian yang baik menikmati peningkatan kadar sewaan marginal sebanyak 11.0% hingga 12.0%, seperti The Astaka @ 1 Bukit Senyum, Residensi Grid Sunway Medini, Sky Executive Suites Bukit Indah dan Nusa Perdana Service Apartment. Kadar sewaan tertinggi diperhatikan kekal di The Astaka @ 1 Bukit Senyum dengan kadar sewaan bulanan antara RM6,000 hingga RM8,000. Pulau Pinang turut mengalami pertumbuhan kadar sewaan antara 2.1% hingga 6.2% di beberapa daerah. Sementara itu, Setia Triangle di Daerah Barat Daya merekodkan pertumbuhan kadar sewaan melebihi 10.0%.

Rental

The rental market was generally stable in all major states, with some upward trends indicated in a few schemes, particularly in prominent and strategic locations. In WP Kuala Lumpur, several schemes registered rental increases exceeding 7.0%, namely Waldorf Service Apartment, M Suite 283, Taragon Puteri KL, Pearl Suria Residence and Residensi 222. The highest rental rates were observed at Banyan Tree, with monthly rentals ranging between RM14,000 and RM18,000. Conversely, the rental situation differed in Selangor, which remained mostly stable with a few marginal increases in several schemes. The highest rental rates were recorded in Isola Subang Jaya, with monthly rentals ranging from RM3,500 to RM4,000.

In Johor Bahru, schemes located near urban centres and boasting good accessibility enjoyed marginal rental appreciation of 11.0% to 12.0%, such as The Astaka @ 1 Bukit Senyum, Residensi Grid Sunway Medini, Sky Executive Suites Bukit Indah, and Nusa Perdana Service Apartment. The highest rental rates were observed to remain at The Astaka @ 1 Bukit Senyum, with monthly rates ranging between RM6,000 and RM8,000. Pulau Pinang also experienced rental growth of between 2.1% and 6.2% across several districts. Meanwhile, Setia Triangle in Barat Daya District recorded strong rental growth of more than 10.0%.

2.2.3 Kompleks Perniagaan

Transaksi

Pada H1 2026, beberapa transaksi kompleks perniagaan telah direkodkan dengan jumlah nilai terkumpul sebanyak RM168.15 juta. Aktiviti ini terdiri daripada dua transaksi masing-masing di Pahang, Terengganu dan Perak serta satu transaksi di WP Kuala Lumpur. Ringkasan beberapa transaksi utama yang direkodkan adalah seperti berikut:

2.2.3 Shopping Complex

Transaction

In H1 2026, several shopping complex transactions were recorded with an aggregate value of RM168.15 million. These activities comprised two transactions each in Pahang, Terengganu, and Perak, with another one transaction registered in WP Kuala Lumpur. Summary of selected major transactions are highlighted below:

Table 2

Summary of Selected Major Sales in H1 2026

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1.	Terengganu	Pasaraya Sabasun Dungun	Perkedaian Bukit Pak Sabah	2026	17,000,000
2.	Pahang	Pasaraya Nirwana Maju	Jalan Kuantan – Kemaman, Beserah	2026	8,500,000
3.	WP Kuala Lumpur	Lucky Plaza	Jalan Kelang Lama	2025	74,052,000
4.	Perak	Lotus's & McDonald's Teluk Intan	Bandar Teluk Intan	2025	41,000,000
5.	Pahang	Pasaraya Pantai Timor	Pusat Perniagaan Putra	2025	19,950,000
6.	Terengganu	Pasaraya BS Freshmart	Jalan Jakar, Cukai	2025	7,300,000

Note: This list only displays selected major transactions.

Penghunian dan Ketersediaan Ruang

Prestasi segmen kompleks perniagaan kekal stabil, dengan kadar penghunian keseluruhan berada pada paras 77.9% merentasi 995 bangunan di seluruh negara, berbanding dengan 78.9% pada H2 2025. Sejumlah 17.47 juta meter persegi ruang niaga sedia ada direkodkan, dengan WP Kuala Lumpur dan Selangor mendahului penawaran ruang tersebut serta masing-masing mencatatkan kadar penghunian sebanyak 84.6% dan 79.2%.

Seiring dengan perkembangan itu, kekosongan ruang meningkat kepada 3.86 juta meter persegi merentasi 804 buah bangunan, sekali gus mewakili kadar kekosongan nasional sebanyak 22.1% berbanding dengan 3.69 juta meter persegi pada H1 2025.


Occupancy and Space Availability

The performance of the shopping complex segment remained stable, with the overall occupancy rate standing at 77.9% across 995 buildings nationwide, compared to 78.9% in H2 2025. A total of 17.47 million square metres of existing retail space was recorded, with WP Kuala Lumpur and Selangor leading the supply with occupancy rates of 84.6% and 79.2%, respectively.

Accordingly, vacant space expanded to 3.86 million square metres across 804 buildings, representing a national availability rate of 22.1%, up from 3.69 million square metres in H1 2025.

Chart 35


Supply and Occupancy Rate of Shopping Complex H1 2024 – H1 2026



	H1 2024	H2 2024	H1 2025	H2 2025	H1 2026
Total Retail Space (Million s.m.)	17.76	17.97	17.33	17.41	17.47
Space Occupied (Million s.m.)	13.87	14.16	13.64	13.73	13.61
Occupancy Rate (%)	78.1	78.8	78.7	78.9	77.9

Chart 36

Supply and Occupancy of Shopping Complex by State H1 2026



Aktiviti Pembinaan

Pada separuh pertama tahun 2026, sebanyak tiga kompleks membeli-belah baharu siap dibina, sekali gus menambah sebanyak 98,387 meter persegi ruang niaga ke pasaran. Selangor dan WP Kuala Lumpur kekal sebagai penyumbang terbesar kepada stok ruang niaga sedia ada, dengan Selangor menyumbang hampir 3.89 juta meter persegi (155 kompleks), manakala WP Kuala Lumpur merekodkan hampir 3.48 juta meter persegi (117 kompleks).

Construction Activity

The first half of 2026 saw the completion of three new shopping complexes, adding 98,387 square metres of retail space to the market. Selangor and WP Kuala Lumpur remained the largest contributors to the existing retail stock, with Selangor accounting for almost 3.89 million square metres across 155 complexes, while WP Kuala Lumpur recorded nearly 3.48 million square metres across 117 complexes. As of end-June 2026, there was 17.47 million square

Sehingga akhir Jun 2026, terdapat sebanyak 17.47 juta meter persegi ruang niaga sedia ada merentasi 995 kompleks perniagaan, dengan hampir 0.60 juta meter persegi (26 kompleks) bagi penawaran akan datang dan lebih daripada 0.50 juta meter persegi (17 kompleks) bagi penawaran yang dirancang.

metres of existing retail space from 995 shopping complexes, with nearly 0.60 million square metres (26 complexes) in incoming supply and more than 0.50 million square metres (17 complexes) in planned supply.

Table 3

Summary of Completions H1 2026

Bil	State	Name of Complex	Location	Nett Lettable Area (s.m.)
1.	WP Kuala Lumpur	Met Galleria	Jalan Sultan Haji Ahmad Shah	7,432
2.	WP Kuala Lumpur	118 Mall	Jalan Hang Jebat	83,610
3.	Negeri Sembilan	Econsave Ampangan	Jalan Seremban – Jelebu	7,345
Total		**3 complexes**		**98,387**

Sewa

Pasaran sewaan ruang niaga bagi kompleks perniagaan secara amnya kekal stabil, terutamanya di Lembah Klang. Di WP Kuala Lumpur, Suria KLCC dan Pavilion Kuala Lumpur mengekalkan kedudukan terunggul dengan mencatatkan lingkungan kadar sewaan tertinggi. Keadaan adalah berbeza di Selangor apabila pertumbuhan kadar sewaan adalah lebih sederhana di beberapa kompleks terpilih. Lingkungan kadar sewaan tertinggi di negeri berkenaan direkodkan di One Utama dan Sunway Pyramid. Sementara itu, kadar sewaan di Johor dan Pulau Pinang turut menunjukkan prestasi yang stabil.

Rental

The retail rental market for shopping complexes remained broadly stable, particularly in the Klang Valley. In WP Kuala Lumpur, Suria KLCC and Pavilion Kuala Lumpur sustained their prominence, fetching the highest rental ranges. The situation differed in Selangor, where rental growth was more moderate across selected complexes. The highest rental ranges in the state were recorded at One Utama and Sunway Pyramid. Meanwhile, rental rates in Johor and Pulau Pinang also demonstrated a stable performance.

2.2.4 Pejabat Binaan Khas

Transaksi

Pada separuh pertama tahun 2026, beberapa transaksi bangunan pejabat telah direkodkan dengan nilai terkumpul sebanyak RM704.04 juta. Antara transaksi utama terpilih yang direkodkan adalah seperti berikut:

2.2.4 Purpose-Built Office

Transaction

In the first half of 2026, several office building transactions were recorded with an accumulated value of RM704.04 million. Among the selected major transaction are as listed below:

Table 4

Summary of Selected Major Sales in H1 2026

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1.	WP Kuala Lumpur	Wisma HELP	Bukit Damansara	2026	60,000,000
2.	Johor	Wisma Ang	Bandar Pontian	2025	6,800,000
3.	WP Kuala Lumpur	Menara UMW	Jalan Puncak, Off Jalan P Ramlee	2025	72,784,000
4.	WP Kuala Lumpur	Menara PJD	Jalan Tun Razak	2025	280,000,000
5.	WP Kuala Lumpur	Menara UAB	Jalan Tun Perak	2025	70,800,000
6.	Selangor	Menara UAC	Jalan PJU 7/5, Mutiara Damansara	2025	95,000,000
7.	Selangor	Kolej Swasta Intelek	Petaling Jaya Seksyen 19	2025	40,000,000
8.	WP Kuala Lumpur	Tower 3 Avenue 5	Bangsar South	2024	50,000,000

Note: This list only displays selected major transactions.

Penghunian dan Ketersediaan Ruang

Prestasi keseluruhan segmen pejabat adalah stabil apabila kadar penghunian merekodkan kepada 78.5% berbanding dengan 78.1% pada H2 2025. Segmen pejabat binaan khas terdiri daripada 1,859 bangunan dengan jumlah ruang pejabat melebihi 24.56 juta meter persegi. Semua negeri mencatatkan kadar penghunian yang lebih tinggi iaitu melebihi 80.0%, kecuali WP Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Bagi segmen bangunan pejabat milik persendirian, kadar penghunian keseluruhan kekal stabil pada paras 72.6%. WP Labuan mencatatkan kadar penghunian tertinggi, iaitu sebanyak 89.4%, manakala Perlis mencatatkan kadar penghunian terendah.


Occupancy and Space Availability

The overall performance of the office segment remained stable, registering an occupancy rate of 78.5% compared to 78.1% in H2 2025. The purpose-built office segment comprised 1,859 buildings, accounting for more than 24.56 million square metres of total office space. All states recorded healthy occupancy rates exceeding 80.0%, with the exceptions of WP Kuala Lumpur, Selangor, Johor and Pulau Pinang.

In the private office buildings segment, the overall occupancy rate remained stable at 72.6%. WP Labuan secured the highest occupancy rate at 89.4%, while Perlis registered the lowest occupancy rate.

Chart 37


Supply and Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) H1 2024 – H1 2026



	H1 2024	H2 2024	H1 2025	H2 2025	H1 2026
Total Office Space (Million s.m.)	24.95	25.12	24.32	24.51	24.56
Occupied Space (Million s.m.)	19.52	19.63	18.93	19.14	19.29
Occupancy Rate (%)	78.2	78.1	77.8	78.1	78.5

Chart 38

Supply and Occupancy of Purpose-Built Office (Private & Government) by State H1 2026



Aktiviti Pembinaan

Dalam segmen pembangunan, aktiviti pembinaan mencatatkan peningkatan ketara dengan empat bangunan pejabat baharu siap dibina pada H1 2026. Pembangunan baharu ini menyumbang sebanyak 81,517 meter persegi ruang pejabat, berbanding dengan 155,772 meter persegi yang direkodkan pada H1 2025.

Construction Activity

In development segment, construction activity notable improvement, with four new office buildings completed in H1 2026. These contributed a total of 81,517 square metres of office space, compared to 155,772 square metres office space recorded in H1 2025.

Sehingga akhir Jun 2026, negara mempunyai sejumlah 24.56 juta meter persegi ruang pejabat sedia ada merentasi 1,859 bangunan, dengan lebih daripada 1 juta meter persegi (38 bangunan) direkodkan bagi penawaran akan datang, manakala 0.81 juta meter persegi (30 bangunan) lagi bagi penawaran yang dirancang. WP Kuala Lumpur terus menguasai pasaran ruang pejabat merangkumi 41.6% (10.22 juta meter persegi) daripada keseluruhan ruang pejabat sedia ada, 72.5% (0.78 juta meter persegi) bagi penawaran akan datang, dan 67.7% bagi penawaran yang dirancang.

As of end-June 2026, the country had a total of 24.56 million square metres existing office space across 1,859 buildings, with more than 1 million square metres. (38 buildings) were recorded in the incoming supply, while 0.81 million square metres. (30 buildings) were in the planned supply. WP Kuala Lumpur continued to dominate the office market, accounting for 41.6% (10.22 million square metres) of existing office space, 72.5% (0.78 million square metres) of incoming supply, and an overwhelming 67.7% of planned supply.

Table 5

Summary of Completions H1 2026

No	State	Name of Building	Location/ Mukim/ District	Category	Nett Lettable Area (s.m.)
1.	Pulau Pinang	The Light Exchange @ PWCC	Persiaran Chin Fung Kee	Private Building	14,544
2.	Pulau Pinang	Pejabat Kastam Bayan Baru Pulau Pinang	Jalan Mahsuri	Government Building	8,052
3.	Kelantan	Kompleks Gunasama Persekutuan Kota Bahru	Kampung Tunjung	Government Building	46,988
4.	Perlis	Menara PKENPs (Menara K-PARC)	Jalan Raja Syed Alwi	Private Building	11,933
Total		**4 buildings**			**81,517**

Harga

Harga unit pejabat di seluruh negeri utama menyaksikan trend yang bercampur dalam tempoh kajian. Di WP Kuala Lumpur, harga transaksi meningkat bagi beberapa bangunan terpilih. Secara khususnya, harga transaksi di Menara The Met meningkat sebanyak 10.3% untuk mencapai RM13,800 s.m.p., manakala unit di Tingkat 20, UOA Centre mencatatkan kenaikan sebanyak 7.9% kepada RM7,700 s.m.p. Di Selangor, harga pejabat secara amnya kekal stabil dengan kadar turun naik yang minimum. Sementara itu, pasaran ruang pejabat di Wilayah Selatan turut mengekalkan prestasi yang stabil.

Price

Office unit prices across major states exhibited mixed trends during the review period. In WP Kuala Lumpur, transaction prices increased for selected buildings. Specifically, price at Menara The Met rose by 10.3%, reaching RM13,800 p.s.m., while UOA Centre recorded by 7.9% to RM7,700 p.s.m. for units on Level 20. In Selangor, office prices remained largely stable, showing minimal fluctuations. Meanwhile, the office space market in the Southern Region also maintained its stable performance.

Sewa

Pasaran sewaan ruang pejabat menunjukkan pergerakan yang bercampur di beberapa bangunan terpilih, manakala sebahagian besarnya kekal stabil. Pasaran sewaan di WP Kuala Lumpur sebahagian besarnya adalah stabil, dengan pertumbuhan sederhana diperhatikan di beberapa bangunan terpilih. Peningkatan kadar sewaan melebihi 7.0% direkodkan di beberapa tingkat di Menara IGB @ Mid Valley City dan Wisma Paradise. Pasaran sewaan pejabat di negeri-negeri utama yang lain, iaitu Selangor, Johor, dan Pulau Pinang, secara amnya kekal stabil dengan pertumbuhan kadar sewaan yang sederhana turut direkodkan di beberapa bangunan pejabat terpilih.

Rental

The office space rental market exhibited mixed movements across selected buildings, though most properties remained stable. The rental market in WP Kuala Lumpur was mostly steady, with modest growth observed in selected developments. Rental increases of over 7.0% were recorded at various levels of Menara IGB @ Mid Valley City, and Wisma Paradise. Similarly, the office rental market in other major states including Selangor, Johor, and Pulau Pinang, demonstrated resilient rental markets, accompanied by moderate growth in select office buildings.

2.2.5 Harta Tanah Riadah

Transaksi

Beberapa transaksi harta tanah riadah telah direkodkan dalam tempoh kajian, dengan nilai terkumpul melebihi RM416.00 juta. Transaksi harta tanah riadah termasuk hotel, resort dan chalet. Ringkasan transaksi utama terpilih adalah seperti berikut:

2.2.5 Leisure Property

Transaction

Several leisure property transactions were recorded in the review period, with an accumulated value exceeding RM416.00 million. The leisure property transactions include hotels, resorts, and chalets. Summary of selected major transaction are as listed below:

Table 6

Summary of Selected Major Sales in H1 2026

No	State	Property	Location	Transaction Year	Consideration (RM)
1.	WP Kuala Lumpur	KIP Hotel	Jalan Ipoh	2026	40,000,000
2.	Johor	Crown KTV	Jalan Abdullah Tahir, Johor Bahru	2026	25,000,000
3.	Johor	Fives Hotel Johor Bahru	Jalan Wong Ah Fook	2025	142,500,000
4.	Johor	Fives Hotel Johor Bahru	Jalan Tenteram, Bukit Meldrum	2025	30,000,000
5.	WP Kuala Lumpur	Hotel Alpha Genesis	Jalan Tengkat Tong Shin	2025	48,000,000
6.	Pulau Pinang	Tune Hotel	Jalan Sultan Ahmad Shah, Georgetown	2025	51,888,000
7.	Sabah	Ming Garden Hotel	Lorong Ming Garden, Jalan Coastal, Kota Kinabalu	2025	15,270,210

Note: This list only displays selected major transactions.

Aktiviti Pembinaan

Dalam segmen pembinaan harta tanah riadah, pasaran menyaksikan sebanyak empat buah hotel siap dibina yang menawarkan 782 bilik secara keseluruhan. Seiring dengan perkembangan itu, projek yang mula dibina dan penawaran baharu dirancang masing-masing mencatatkan sebanyak 200 bilik dan 974 bilik. Sehingga akhir Jun 2026, stok sedia ada terdiri daripada 3,641 hotel dan resort di seluruh negara yang menawarkan 299,105 bilik, dengan tambahan sebanyak 10,228 bilik bagi penawaran akan datang dan 6,051 bilik lagi bagi penawaran yang dirancang.

Construction Activity

Within the leisure property construction segment, the market witnessed the completions of four hotels offering a combined 782 rooms. Similarly, construction starts, and newly planned supply recorded 200 rooms and 974 rooms, respectively. As of end-June 2026, the total existing stock comprised 3,641 hotels and resorts offering 299,105 rooms, additional 10,228 rooms in the incoming supply and another 6,051 rooms in the planned supply.

Table 7

Summary of Completions H1 2026

No	State	Name of Building	Total Room
1.	Terengganu	The Payang Hotel	30
2.	Pahang	BCIC Lodge, Bandar Indera Mahkota	37
3.	Pulau Pinang	Capri by Fraser	255
4.	Pulau Pinang	Converge Commsuites Hotel	460
Total		**4 Hotels**	**782**

2.3 HARTA TANAH INDUSTRI

Transaksi

Subsektor industri merekodkan sebanyak 3,932 transaksi bernilai RM14.78 bilion pada H1 2026, berbanding dengan 4,148 transaksi bernilai RM14.25 bilion pada H1 2025. Prestasi ini didorong terutamanya oleh segmen kilang teres dan gudang yang menyumbang sebanyak 34.1% (1,339 transaksi) daripada keseluruhan transaksi industri. Ini diikuti oleh plot tanah industri kosong yang merangkumi sebanyak 27.7% (1,088 transaksi) daripada jumlah keseluruhan nasional.

Selangor mendahului senarai bagi aktiviti pasaran industri dengan menyumbang sebanyak 32.9% (1,293 transaksi). Johor dan Negeri Sembilan menyusul sebagai negeri yang paling aktif berikutnya, dengan masing-masing menyumbang sebanyak 17.0% (669 transaksi) dan 7.9% (309 transaksi) kepada jumlah keseluruhan nasional.

2.3 INDUSTRIAL PROPERTY

Transaction

The industrial subsector registered 3,932 transactions valued at RM14.78 billion in H1 2026, compared to 4,148 transactions worth RM14.25 billion in H1 2025. This performance was primarily driven by the terraced factory and warehouse segment, which accounted for 34.1% (1,339 transactions) of the industrial total. This was followed by vacant industrial plots, which made up 27.7% (1,088 transactions) of the segment's activity.

Selangor led the country in industrial market activity, capturing a 32.9% share with 1,293 transactions. Johor and Negeri Sembilan followed as the next most active states, contributing 17.0% (669 transactions) and 7.9% (309 transactions) to the national total, respectively.

Chart 39

Industrial Transactions Volume H1 2022 – H1 2026





Chart 40

Industrial Transactions Value H1 2022 – H1 2026



Status Pasaran

Segmen harta tanah industri mencatatkan peningkatan ketara pada H1 2026, dengan bilangan unit siap dibina belum terjual menyusut sebanyak 33.2% kepada 482 unit, berbanding dengan 722 unit pada H2 2025. Selaras dengan itu, jumlah nilai unit siap dibina belum terjual turut menguncup sebanyak 11.5% kepada RM699.06 juta, berbanding dengan RM789.64 juta pada H2 2025. Sarawak mencatatkan bilangan unit siap dibina belum terjual tertinggi, iaitu sebanyak 99 unit, diikuti oleh Negeri Sembilan (80 unit) dan Johor (76 unit).

Mengikut jenis harta tanah, kilang berkembar merupakan penyumbang utama kepada unit siap dibina belum terjual dengan mewakili sebanyak 44.6% (215 unit) daripada jumlah keseluruhan. Dari segi nilai, hampir separuh daripada unit siap dibina belum terjual berharga melebihi RM1 juta, iaitu merangkumi sebanyak 48.5% (234 unit) daripada keseluruhan unit belum terjual tersebut.

Sementara itu, unit dalam pembinaan yang belum terjual dan unit belum dibina yang belum terjual masing-masing merekodkan sebanyak 1,044 unit dan 166 unit, berbanding dengan 1,018 unit dan 132 unit pada H2 2025.

Market Status

The industrial property segment registered a notable improvement in H1 2026, with the number of unsold completed units declining by 33.2% to 482 units, down from 722 units in H2 2025. Similarly, the total value of unsold completed units contracted by 11.5% to RM699.06 million, compared with RM789.64 million in H2 2025. Sarawak recorded the highest number of unsold completed units at 99, followed by Negeri Sembilan and Johor with 80 units and 76 units, respectively.

Segmented by property type, semi-detached factories were the primary contributor to industrial unsold completed, accounting for 44.6% (215 units) of the completed unsold units. In terms of value, nearly half of these completed unsold units were priced above RM1 million, dominating for 48.5% (234 units).

Meanwhile, unsold units under construction and unsold not constructed stood at 1,044 and 166 units, respectively, compared to 1,018 and 132 units in H2 2025.

Chart 41

Industrial Unsold Completed Units H1 2024 – H1 2026





Chart 42

Industrial Unsold Units H1 2024 – H1 2026



Aktiviti Pembinaan


Bagi segmen aktiviti pembinaan, momentum keseluruhan subsektor industri kekal sederhana. Berbanding dengan H1 2025, bilangan unit siap dibina mencatatkan sebanyak 243 unit, manakala unit mula dibina meningkat kepada 1,038 unit dan penawaran baharu yang dirancang meningkat kepada 631 unit. Selangor mendahului dua peringkat pembangunan, iaitu unit siap dibina dan penawaran baharu yang dirancang, dengan masing-masing menyumbang sebanyak 47.3% (115 unit) dan 76.4% (482 unit). Sehingga akhir Jun 2026, terdapat lebih daripada 126,000 unit industri sedia ada di pasaran, dengan lebih 4,500 unit bagi penawaran akan datang dan melebihi 3,700 unit lagi bagi penawaran yang dirancang.

Construction Activity

On the construction activity segment, the industrial overall momentum remained modest. Compared to H1 2025, completions recorded 243 units, starts increased to 1,038 units, and new planned supply climbed to 631 units. Selangor leads all the development stages; completions, starts, and new planned supply, contributing 47.3% (115 units), 25.4% (264 units) and 76.4% (482 units), respectively. As of end-June 2026, there were more than 126,000 existing industrial units, with more than 4,500 units in the incoming supply and more than 3,700 units in the planned supply.

Chart 43

Industrial Construction Activity H1 2022 – H1 2026



	H1 2022	H1 2023	H1 2024	H1 2025	H1 2026
Completion	118	260	149	353	243
Starts	265	413	301	823	1,038
New Planned Supply	118	478	148	496	631

Harga

Harga harta tanah industri secara amnya kekal stabil di kebanyakan negeri, dengan lokasi terpilih mengalami peningkatan harga yang sederhana. Trend peningkatan ini berkemungkinan besar didorong oleh permintaan berterusan terhadap gudang dan kemudahan storan, serta pengembangan sektor e-dagang dan pusat data. Di Selangor, harga kilang teres satu setengah tingkat di Taman Perindustrian Subang Hilir menunjukkan peningkatan harga sebanyak 6.6%, dengan harga transaksi berada dalam lingkungan antara RM1.64 juta hingga RM1.86 juta. Beberapa skim perindustrian, terutamanya di Daerah Klang, menyaksikan peningkatan nilai modal antara 2.3% hingga 3.7%, dengan harga transaksi mencecah RM1.19 juta.

Di Wilayah Selatan, kilang teres satu setengah tingkat di Daerah Johor Bahru merekodkan pergerakan harga yang bercampur. Taman Perindustrian GP merekodkan kenaikan tertinggi sebanyak 31.3%, dengan harga transaksi meningkat daripada RM800,000 kepada RM1.05 juta. Peningkatan ini didorong oleh kemudahsampaian yang baik dan lokasi strategik skim tersebut yang dikelilingi oleh beberapa kawasan pembangunan, termasuk Taman Mutiara Rini, Mutiara Maju dan Stadium JDT.

Di Wilayah Utara, aktiviti transaksi kekal aktif, manakala pergerakan harga kekal stabil di kebanyakan lokasi. Harta tanah industri berkembar di Pulau Pinang merekodkan harga transaksi yang agak tinggi, dengan sebahagian besar transaksi berada dalam lingkungan harga antara RM5 juta hingga RM10 juta.

Price

The industrial property prices remained generally stable across most states, with selected locations experiencing moderate price increases. The upward trend was likely driven by sustain demand for warehouses and storage facilities, as well as the expansion of the e-commerce sector and data centres. In Selangor, prices of one-and-a-half-storey terrace factories in Subang Hilir Industrial Park showed a price increase of 6.6%, with transactions ranging between RM1.64 million and RM1.86 million. Several industrial schemes, particularly in the District of Klang, saw capital appreciation of between 2.3% and 3.7%, with transacted prices reaching around RM1.19 million.

In the Southern Region, one and a-half storey terrace factories in the Johor Bahru District recorded mixed movements. GP Industrial Park recorded the highest increase of 31.3%, with the price rising from RM800,000 to RM1.05 million. This increase was attributed to the scheme's good accessibility and strategic location, as it is surrounded by several emerging developments, including Taman Mutiara Rini, Mutiara Maju and the JDT Stadium.

In the Northern Region, transaction activities remained active, while price movements remained stable across most locations. Semi-detached industrial properties in Pulau Pinang recorded relatively high transaction prices, with most transactions ranging between RM5 million and RM10 million.

2.4 HARTA TANAH PERTANIAN

Transaksi

Sektor pertanian kekal sebagai sektor harta tanah kedua paling aktif di negara ini selepas sektor kediaman, dengan menguasai pegangan sebanyak 19.8% daripada jumlah keseluruhan transaksi nasional. Subsektor ini merekodkan sebanyak 37,006 transaksi bernilai RM7.82 bilion pada H1 2026, berbanding dengan 37,283 transaksi bernilai RM8.63 bilion yang direkodkan pada H1 2025. Walaupun mencatatkan bilangan transaksi yang tinggi, sumbangan subsektor ini kepada nilai keseluruhan transaksi adalah lebih kecil, iaitu hanya merangkumi sebanyak 7.4% daripada jumlah nilai nasional.

Kedah dan Perak mencatatkan bilangan transaksi tertinggi, dengan masing-masing menyumbang sebanyak 16.9% (6,241 transaksi) dan 16.3% (6,020 transaksi) daripada keseluruhan transaksi pertanian. Dari segi nilai transaksi, Johor kekal sebagai penyumbang tertinggi dengan menyumbang sebanyak 21.0%, diikuti oleh Perak sebanyak 13.7%.

Pada separuh pertama tahun 2026, sebanyak 64 transaksi tanah estet telah direkodkan. Sabah menyumbang bilangan transaksi tertinggi, iaitu sebanyak 21 transaksi, diikuti Perak dengan 20 tramsaksi, Johor (6 transaksi) dan Selangor (5 transaksi). Sebagai tambahan, tiga transaksi masing-masing di Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang, manakala satu transaksi direkodkan di Terengganu, Kelantan dan Sarawak.

2.4 *AGRICULTURE PROPERTY*

Transaction

Agriculture remained the nation's second most active property sector after residential, capturing a 19.8% share of total transactions. The sub-sector recorded 37,006 transactions valued at RM7.82 billion in H1 2026 compared to 37,283 transactions worth RM8.63 billion recorded in H1 2025. Despite its high transaction volume, its contribution to the overall transaction value was more modest, representing 7.4% of the national total.

Kedah and Perak recorded the highest transaction volumes, contributing 16.9% (6,241 transactions) and 16.3% (6,020 transactions) of the national total, respectively. In terms of transaction value, Johor remained the highest contributor with 21.0%, followed by Perak with 13.7%.

In the first half 2026, a total of 64 estate land transactions were recorded. Sabah accounted for the highest number with 21 transactions, followed by Perak with 20 transactions, Johor (6 transactions) and Selangor (5 transactions). Additionally, three transactions each in Negeri Sembilan, Melaka and Pahang, while a single transaction was recorded in each of Terengganu, Kelantan, and Sarawak.

Chart 44

Agriculture Transactions Volume H1 2022 - H1 2026





Chart 45

Agriculture Transactions Value H1 2022 - H1 2026



Harga

Harga tanah pertanian secara umumnya adalah stabil pada H1 2026 dengan beberapa lokasi terpilih mencatatkan peningkatan yang didorong oleh kemudahsampaian yang baik, lokasi yang strategik, serta berhampiran dengan kawasan pembangunan. Di Wilayah Malaysia Timur, harga tanah pertanian menunjukkan trend yang bercampur di Sabah dan Sarawak. Di Sabah, tanah kelapa sawit di Pulau Sebatik, Tawau (kawasan pedalaman) mencatatkan kenaikan harga tertinggi sebanyak 15.9% dengan harga transaksi antara RM85,000 hingga RM86,000 sehektar. Peningkatan turut dicatatkan di Sarawak apabila tanah pertanian kosong di Riih Mawang, Serian mencatatkan kenaikan marginal 7.7% dengan harga transaksi RM91,000 sehektar.

Di Wilayah Pantai Timur, harga tanah pertanian turut merekodkan pergerakan yang bercampur di Kelantan, Pahang, dan Terengganu. Kenaikan tertinggi direkodkan di Terengganu apabila tanah kelapa sawit di Bukit Diman, Hulu Terengganu (kawasan pedalaman) meningkat sebanyak 16.5%, iaitu daripada lingkungan RM75,000 hingga RM83,000 sehektar kepada RM92,000 sehektar. Sementara itu, tanah dusun di Kerau @ The Valley, Bentong, Pahang mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 15.4% dengan harga transaksi berada dalam lingkungan antara RM1.15 juta hingga RM1.19 juta sehektar.

Di Wilayah Utara, harga harta tanah pertanian kekal stabil secara keseluruhan, dengan pergerakan harga yang bercampur dicatatkan bagi tanah tanaman tertentu. Aktiviti transaksi bagi tanah kelapa sawit dan getah kekal aktif di Perak dengan pergerakan harga yang berbeza-beza bergantung pada lokasi dan ciri-ciri fizikal tanah tersebut. Harta tanah yang serupa di Kedah turut merekodkan aktiviti transaksi yang aktif, manakala harganya kekal stabil. Sementara itu, transaksi tanah sawah di Perlis juga kekal aktif dengan mencatatkan peningkatan harga sehingga 12.7% dan berada dalam lingkungan RM138,000 hingga RM441,000 sehektar. Di Pulau Pinang, aktiviti transaksi berada pada tahap yang agak perlahan berbanding dengan negeri-negeri lain; bagaimanapun, beberapa plot pertanian mencatatkan harga transaksi tertinggi sehingga RM3.33 juta sehektar.

Price

Agricultural land prices were generally stable in H1 2026, with selected locations recording increases supported by good accessibility, strategic positioning, and proximity to emerging development areas. In the East Malaysia Region, agricultural land prices exhibited mixed trends across Sabah and Sarawak. In Sabah, oil palm land at Pulau Sebatik, Tawau (interior area) recorded the highest price increase of 15.9%, with transaction prices ranging between RM85,000 and RM86,000 per hectare. Similarly, in Sarawak, vacant agricultural land at Riih Mawang, Serian recorded marginal increase 7.7%, with transactions price RM91,000 per hectare.

